

ملک هاری این

Mhi **MELAKA HARIINI**

Sejak 1982

Menyambut Ulang Tahun Ke-40



Dapatkan e-paper
MHI di sini

Melaka Hari Ini mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua umat Islam



Foto: Iqmal Haqim Rosman

KAWASAN tumpuan pelancong di Banda Hilir dijangka akan kembali dipenuhi pelancong dari luar negara selepas pintu sempadan negara dibuka bermula 1 April.

1 April, bersediakah kita?

Negara akan melalui fasa peralihan ke endemik bermula 1 April. Sejauh mana kefahaman dan bersediakah rakyat menghadapi permulaan fasa baharu hidup dalam wabak yang telah mengorbankan jutaan nyawa di seluruh dunia? **2&3**

Loji RM111j terbesar di Melaka



4

Ramuan Cina Besar ada anggur?

25



Tangkis ancaman senjata kimia

28



Malaysia-Singapura bulka sempadan darat mulai 1 April

Farah Suhaidah Othman

KUALA LUMPUR - Malaysia dan Singapura akan membenarkan semua pengembara yang telah lengkap vaksinasi untuk merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantin atau melaksanakan ujian COVID-19, termasuk ujian pra-pelepasan dan semasa ketibaan bermula 1 April nanti.

Perkara itu terpakai ke atas semua kategori pengembara dan jenis pengangkutan darat.

Berita baik itu adalah hasil persetujuan dicapai antara Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan rakan sejawatannya dari Singapura Lee Hsien Loong menerusi panggilan telefon, 24 Mac lalu.

Kedua-dua Perdana Menteri mengakui bahawa Malaysia dan Singapura telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan khususnya dalam pelaksanaan program vaksinasi dan pengurusan pan-



TAMBAK Johor akan kembali meriah selepas sempadan Malaysia-Singapura kembali dibuka bermula 1 April.

demik COVID-19 bagi penduduk negara masing-masing.

Ismail Sabri dan Lee turut mengambil maklum atas kemajuan yang telah dicapai dalam meneruskan perjalanan rentas sempadan melalui Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (Udara) dan

(Darat).

Sejajar dengan peralihan kehidupan fasa mendepani pandemik COVID-19, kedua-dua pemimpin telah bersetuju bahawa sudah tiba masanya untuk membuka sempadan darat kedua-dua negara bagi pengembara yang telah lengkap

vaksinasi.

Berikutnya itu bermula 1 April 2022, kedua-dua negara akan membenarkan semua pengembara yang telah lengkap vaksinasi untuk merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantin atau melaksanakan ujian COVID-19, termasuk

ujian pra-pelepasan dan semasa ketibaan.

Ismail Sabri berkata, Malaysia akan membuka sempadan kepada pengembara antarabangsa dan seterusnya melakar satu lagi kejayaan penting dalam memudahkan perjalanan rentas sempadan dengan jiran

terdekat, Singapura.

"Pengumuman ini mencerminkan hubungan baik, kerjasama pelbagai aspek dan hubungan kukuh antara rakyat kedua-dua buah negara.

"Ini pastinya akan menyumbang kepada usaha-usaha pemuliharan dengan impak positif ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu Lee Hsien Loong berkata, Singapura dan Malaysia menikmati hubungan yang mendalam, mesra dalam pelbagai aspek, serta hubungan antara rakyat yang kukuh.

"Pengumuman hari ini merupakan peristiwa penting dalam peralihan kita ke arah kehidupan dengan COVID-19. Ia mencerminkan kerjasama kukuh yang dinikmati kedua pihak sepanjang pandemik ini dan akan membantu kedua negara muncul lebih kuat daripada krisis ini," katanya.

Amaran buat pengembara luar masuk Malaysia - Khairy

KUALA LUMPUR - Pengembara memasuki Malaysia yang tidak melakukan ujian RTK-Ag profesional COVID-19 dalam tempoh 24 jam boleh diusir keluar dari negaraini, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Bercakap dalam sidang mediadibangunanParlimen pada 24 Mac, beliau berkata selain itu status aplikasi MySejahtera pengembara berkenaan akan bertukar merah dan mereka tidak dibenarkan memasuki

mana-mana premisdi negara ini.

"Ujian RTK-Ag itu mesti dibuat secara profesional sebab mesti dimasukkan dalam MySejahtera. Hanya makmal bertaullah sahaja boleh buat.

"Kalau mereka (pengembara) tak buat (ujian itu), status mereka akan bertukar kepada merah dan tak boleh masuk ke kedai makan. Yang paling pentingnya mereka telah lakukan kesalahan dan boleh diusir keluar (dari ne-

gara)," katanya.

Khairy berkata arahan itu berkuat kuasa mulai 1 April dan ia turut mewajibkan pengembara umum menjalani ujian RTK-Ag profesional sama ada di fasiliti kesihatan swasta di pintu sempadan negara atau di luar sempadan dalam tempoh 24 jam.

Beliau berkata jika keputusan ujian positif, pengembara dengan vaksin lengkap akan diberikan perintah pengawasan dan pe-

merhatian (HSO) selama tujuh hari di tempat penginapan bagi kategori satu dan dua.

"Namun, bagi kategori tiga dan keatas, mereka perlu mendapatkan rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) atau hospital swasta, manakala pengembara yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi, mereka akan diberikan HSO selama 10 hari.

"Sekiranya keputusan ujian negatif, pengembara dengan vaksin lengkap tidak perlu menjalani kuarantin, manakala pengembara yang tidak lengkap atau tiada vaksinasi, mereka akan diberikan HSO selama lima hari.

Mengenai protokol pengembara di pintu sempadan

negara, pengembara yang bergejala perlu melalui saringan demam dengan imbasan thermal scanner atau rujukan kendiri kepada petugas kesihatan untuk pemeriksaan lanjut di kaunter kesihatan.

"Pengembara yang tidak bergejala akan meneruskan perjalanan ke kaunter imigresen untuk semakan lanjut," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata pengembara melibatkan kanak-kanak berumur bawah enam tahun tidak perlu menjalani ujian prapelepasan dan ujian semasa ketibaan. - BERNAMA



UJIAN saringan COVID-19. Gambar hiasan - Foto: MR Azli

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

28 Mac - 3 April 2022 (25 Syaban - 1 Ramadan 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28 Mac 2022	6.05am	7.13am	1.19pm	4.19pm	7.22pm	8.30pm
29 Mac 2022	6.05am	7.13am	1.18pm	4.20pm	7.21pm	8.30pm
30 Mac 2022	6.04am	7.12am	1.18pm	4.20pm	7.21pm	8.30pm
31 Mac 2022	6.04am	7.12am	1.18pm	4.21pm	7.21pm	8.30pm
01 April 2022	6.03am	7.11am	1.18pm	4.21pm	7.21pm	8.29pm
02 April 2022	6.03am	7.11am	1.17pm	4.21pm	7.20pm	8.29pm
03 April 2022	6.03am	7.11am	1.17pm	4.22pm	7.20pm	8.29pm



GAMBAR hiasan kedatangan pelancong ke Melaka. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Waspada 'ancaman' baharu selepas 1 April

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Pembukaan sempadan negara bermula 1 April dikhuatir akan membawa kepada kemasukan beberapa wabak baharu dari beberapa negara.

Kebimbangan itu dizahirkan Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Rusdi Abd Rahman memandangkan terdapat negara berisiko yang memungkin wujudnya wabak baharu atau varian COVID-19 lebih ganas yang boleh memberi ancaman kepada rakyat di negara dan negeri ini.

Ujarnya, memandangkan Melaka merupakan sebuah negeri pelancongan, penguatkuasaan lebih ketat juga perlu dilakukan di pintu-pintu masuk negeri ini dalam memastikan tiada ancaman bahaya terlepas masuk.

"Sepanjang peralihan fasa endemik nanti, kita perlu bersedia untuk sebarang kemungkinan terutamanya kenaikan-kenaikan kes COVID-19."

"Ini kerana mungkin akan terdapat banyak kes baharu yang terlepas ke Melaka terutamanya dari luar negara."

"Kesiapsiagaan dah ada cuma risau akan ada wabak lain akan masuk sebab kita tidak jangka dari negara luar wabak apa dibawa, ada beberapa negara berisiko yang kita sangat risau," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau bagaimanapun berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telahpun bersiap sedia dengan segala kemungkinan, termasuk memastikan pelancong luar khususnya dari negara-negara be-

risiko menjalani saringan sebelum memasuki Melaka.

Dalam pada itu, Dr Rusdi berkata, rakyat belum boleh bergembira dengan pengumuman yang dibuat kerajaan menjelang 1 April ini.

Katanya, bermula tarikh itu negara hanyalah sedang melalui peringkat peralihan endemik dan bukannya memasuki fasa endemik sepenuhnya.

"Yang pertama kita kena faham bahawa sekarang ini kita bukan nak beralih ke fasa endemik... kita sekarang ini nak masuk ke peringkat peralihan kepada endemik."

"Maksudnya ialah pada 1 April nanti bukan terus endemik tetapi kita pada fasa peralihan, jadi fasa peralihan ini kita tidak pasti lagi beberapa lama, mungkin enam bulan atau lebih," katanya.

1 April: Polis Melaka siap sedia

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Polis Melaka bersedia dalam memastikan penguatkuasaan tetap dilaksanakan pada fasa peralihan endemik COVID-19 meskipun beberapa prosedur operasi standard (SOP) dilonggarkan.

Pemangku Ketua Polis Melaka Datuk Razali Abu Samah berkata, meskipun negara sudah memasuki fasaperalihan untuk rakyat kembali kepada kehidupan normal bermula 1 April ini namun ada SOP tertentu yang perlu dipatuhi oleh semua masyarakat terutama membabitkan pemakaian pelitup muka di tempat awam.

Katanya, perincian mengenai SOP baharu pada fasa itu belum dimuktamadkan secara terperinci namun pihaknya bersiap sedia untuk menghadapi apa sahaja arahan dikeluarkan.

"Kita ketahui bermula 1 April ini, ada beberapa SOP telah ditukar, dan ekoran daripada itu PDRM (Polis Diraja Malaysia) Melaka bersiap sedia dalam apa jua cara untuk sama-sama

memastikan bahawa kesejahteraan dan keselamatan rakyat dari segi kesihatan terjamin.

"SOP (yang akan) dibentangkan berbeza daripada dahulu, jadi barisan penguasa akan turut bersama-sama bersiap siaga, yang penting kesihatan rakyat terpelihara walaupun diberi banyak kelonggaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Peringatan Polis ke-215 di Padang Kawad Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Melaka di sini, 25 Mac lalu.

Dalam majlisberkenaan, Razali turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 51 pegawai dan anggota serta orang awam yang menunjukkan komitmen selain memberi kerjasama membanteras jenayah dalam kontinjen Melaka.

Seorang pegawai berpangkat Inspektor dan seorang anggota berpangkat Koperal turut dianugerahkan sijil penghargaan daripada Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki kerana menolak rasuah ketika dalam penugasan.



RAZALI

Foto Iqmal Haqim Rosman

Madelina Kuah,
Presiden Persatuan Pelancongan Negeri Melaka (MTA)



"Kami menyambut baik pembukaan pintu antarabangsa bermula 1 April. Proses masuk dan keluar yang ditetapkan kerajaan juga amat mudah yang mana pengembara tidak perlu melakukan ujian di pintu masuk. Cuma di pihak MTA kita mencadangkan agar kerajaan negeri Melaka dapat menyenaraikan stesen kuarantin di hotel-hotel tertentu kerana jika pengembara luar dijangkiti COVID-19 mereka tidak perlu pergi ke Kuala Lumpur atau Johor, sebaliknya boleh kekal berada di Melaka sehingga sembuh."

Goh Hock Gin,
Pengerusi Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaran Malaysia (MATTA) Melaka



"Pembukaan sempadan darat Malaysia-Singapura sudah semestinya berita baik kepada pemain industri pelancongan di Melaka. Ini kerana, Singapura menyumbang kehadiran 50 peratus pelancong ke Melaka. Secara tidak langsung ia akan membantu meningkatkan ekonomi negeri terutama produk berkaitan pelancongan seperti makanan, kraftangan dan lain-lain lagi."

Salina Hasan @ Abd Rashid, 45,
penjawat awam



"Pembukaan sempadan negara 1 April nanti sudah tentu akan merancakkan lagi perkembangan ekonomi sekali gus memberi peluang dan ruang kepada rakyat untuk menjana lebih pendapatan. Keputusan ini bukan sahaja membantu peniaga kecil yang terkesan akibat penularan COVID-19, malah memberi peluang kepada ibu bapa yang ingin membawa keluarga mereka bercuti dan menerangkan fikiran. Namun diingatkan juga, sebagai rakyat kita perlu sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan penjagaan kendiri seperti pakai pelitup muka kerana virus COVID-19 masih lagi ada dalam komuniti kita."

Nor Suzila Said, 42,
suri rumah

"Alhamdulillah selepas dua tahun akhirnya kita akan memasuki fasa peralihan endemik. Ita bermakna selepas ini lebih banyak kelonggaran diberikan kepada rakyat. Namun, harus diingat jangan mudah leka sebaliknya teruslah patuhi SOP ditetapkan kerajaan."

Mohd Aminuddin Long Ibrahim, 64,
peniaga

"Saya dan isteri sudah berniaga di Tasik Ayer Keroh hampir 30 tahun, kalau hari biasa kami harapkan pelanggan dalam Melaka, tapi kalau hujung minggu biasanya 80 peratus adalah pelanggan luar dari Kuala Lumpur dan Selangor. Memang saya harapkan pembukaan sempadan ini memberi nafas baru buat peniaga, khususnya peniaga-peniaga kecil di negeri ini, tapi harus diingatkan kes COVID-19 masih meningkat, jadi jalalah SOP dengan sebaiknya."



Melaka-Kemboja bincang kerjasama pendidikan, ekonomi dan kebajikan

Faiz Hasan

KEMBOJA - Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam telah mengadakan pertemuan bersama Jawatankuasa Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Kemboja, di Pejabat DMDI Parkson Mall, Phnom Penh, di sini, 22 Mac lalu.

Tun Mohd Ali yang juga Presiden DMDI mengatur pertemuan itu bersempena lawatan rasminya ke Kemboja pada 21 hingga 25 Mac bagi menghadiri Kejohanan South East Asia Karate Federation (SEAKF) Ke-9 dan Kongres EXCO SEAKF.

Dalam pertemuan yang dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri Kemboja merangkap Pengurusi DMDI Kemboja, Datuk Oukhna Dr Othman Hassan bersama ahli jawatankuasa pertubuhan, pelbagai perkara telah dibincangkan.

Antaranya mengenai kerjasama pendidikan, ekonomi dan kebajikan di antara Melaka serta Kemboja.

Yang turut hadir pada pertemuan itu adalah Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Eldeen Husaini Mohd Hashim; Pengurus Besar Yayasan DMDI, Datuk Wira Zainal Hussin; Penasihat DMDI Venture Sdn Bhd, Datin Seri Azreen Abu Noh dan Setiausaha Agung DMDI, Hazelen Talib.

Manakala, wakil Kemboja dihadiri Ahli Parlimennya H.E Dr. Sos Mousine; Setiausaha Kementerian Pendidikan, H.E Nos Les dan Setiausaha Kementerian Agama, H.E Yob Ahskary.

Selepas pertemuan itu, Tun Mohd Ali turut berkesempatan mengadakan lawatan ke Masjid Al Azhim dan Rumah Anak-Anak Yatim di Prek Tapov serta Masjid Al-Serkal di Phnom Penh.



TUN Mohd Ali (tengah) ketika melawat ke sebuah masjid di Kemboja ketika mengadakan lawatan rasmi ke negara itu, baru-baru ini. Foto: Istana Melaka

Loji Batu Berendam rawat 126,000 meter padu kumbahan sehari

AYER KEROH - Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu Berendam iaitu kemudahan kumbahan terbesar di Melaka memulakan operasi 13 Dis lalu bakal membantu meluaskan perkhidmatan pembetungan di bandar-bandar utama kepada 85 peratus menjelang tahun 2025.

Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, kemudahan memakan kos RM111 juta itu adalah loji rawatan berpusat ketigadibangunkan di Melaka mampu merawat sehingga 140,000 penduduk setara dan diunjur mencecah 500,000 penduduk setara pada masa akan datang.

Beliau berkata, loji rawatan, mampu merawat sisa kumbahan hingga 126,000 meter padu sehari sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

"Salah satu komponen projek



TUAN Ibrahim ketika melawat Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu Berendam, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

ini ialah program rasionalisasi 61 loji awam dan sistem pembentungan di 10 premis kerajaan di kawasan Taman Kerjasama, Melaka Baru, Taman Nuri, Taman Merdeka dan sekitar kawasan Lapanan Terbang Batu Berendam menerusi Projek Pembinaan Rangkaian Paip Pembentungan.

"Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu Berendam dianggarkan akan menerima kumbahan sehingga 80 peratus daripada kapasiti reka bentuknya apabila Projek Pembinaan Rangkaian Paip Pembentungan yang pada fasa akhir pembinaan dianggar disiapkan pada 13 Jun depan.

"Pembinaan ini akan memberi manfaat kepada penduduk di kawasan tadahan Batu Berendam melalui penyediaan sistem rawatan kumbahan yang mampu memastikan beban cemar dari padakumba-

han perumahan dan komersial dapat dirawat sebelum dilepaskan ke badan air," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Penyerahan Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu Berendam di sini, 21 Mac lalu yang turut dihadiri EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Zaidi Attan.

Pada majlis sama, beliau mencadangkan Melaka melaksanakan sistem pengebilan bersepada air dan pembetungan bagi menjimatkan kos bil utiliti air serta pembetungan di negeri ini.

Menurutnya pelaksanaan itu sekali gus menjadikan Melaka sebagai negeri ketiga selepas Terengganu dan Labuan sekali gus memberi pendapatan tambahan kepada syarikat operator air di negeri ini.

5,000 pelajar bakal masuk UniMEL - Rais

Siti Salehah

BANDARAYA MELAKA - Universiti Melaka (UniMEL) dijangka mempunyai seramai 5,000 pelajar yang akan menyampung pengajian ke institusi itu menjelang hujung tahun ini.

EXCO Pendidikan negeri Datuk Rais Yasin berkata, penerimaan perakuan universiti penuh dibawah Akta Pendidikan Universiti Swasta yang diterima UniMEL awal bulan ini, menjadi antara faktor kepada penambahan bilangan pelajar.

"Selama 27 tahun akhirnya kita diberikan sijil untuk dinaik taraf sebagai UniMEL, sekarang ini kita mempunyai lebih 3,000 pelajar dan sekiranya tiada aral melintang UniMEL akan mempunyai 5,000 pelajar hujung tahun ini."

"UniMEL juga kini turut mempunyai pelajar luar dari negara China seramai hampir 30 orang

yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (PhD) dan ini kejayaan membanggakan buat UniMEL," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Certificate of Collaboration (COC) - Jalinan Kerjasama Rakan Strategik antara Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Durian Daun dengan Institusi-Institusi Pendidikan Negeri Melaka, 24 Mac lalu.

Menurut beliau, beberapa pelan jangka pendek dan panjang turut dirangka pengurusan universiti di bawah Naib Canselornya Prof Dr Abdul Razak Ibrahim dalam memastikan UniMEL seiring dengan universiti tempatan lain sekali gus dapat melahirkan graduan kebolehpasaran.

"Banyak pelan yang dirangka tetapi fokus utamakini hendak pas-

tikan UniMEL ini yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Melaka akan boleh terus berdiri dengan megah serta bertahan dalam jangka masa panjang.

"Antara yang diperincikan juga adalah untuk menambah fakulti termasuk bilangan tenaga pengajar yang berkualiti dalam menarik lebih ramai pelajar ke UniMEL," katanya.

Ujar Rais, dengan kempimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Dr Sulaiman Md Ali dan Canselor UniMEL Tun Seri Setia Dr Mohd Ali Mohd Rustam, beliau yakin UniMEL akan mendapat sentuhan terbaik dan terus gemilang.

"Saya yakin dan percaya UniMEL mempunyai masa depan yang cerah selain jalinan kerjasama dengan pihak luar malah dibawah kepimpinan Ketua Menteri serta Canselornya ia akan memperkasa lagi UniMEL."

"Saya turut menyeru kepada



RAIS (kanan) ketika mengadakan lawatan ke UniMEL, baru-baru ini. Foto: Universiti Melaka

anak Melaka untuk mendaftar dan masuk ke UniMEL bagi menyambung pengajian mereka di peringkat tertinggi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rais turut mengumumkan sistem kemasukan pelajar iaitu Melaka UPU Online yang sedang dibangun-

kan kerajaan negeri dan dijangka siap hujung tahun ini.

Menurutnya, sistem tersebut akan memudahkan pelajar khususnya anak Melaka untuk membuat permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang terdapat di Melaka.

Setinggi-tinggi
Tahniah

Kepada
YBhg. Prof. Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin

Di Atas Pelantikan Sebagai
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Setulus Ikhlas Daripada



UTeM HOLDINGS
GROUP OF COMPANIES

(Wholly Owned by Universiti Teknikal Malaysia Melaka)

AHLI LEMBAGA PENGARAH,
PENGURUSAN DAN SELURUH KAKITANGAN
UTeM HOLDINGS SDN. BHD.
UTeM HOLDINGS PROPERTIES SDN. BHD. (SUBSIDIARI)
UTeM HOLDINGS FACILITY MANAGEMENT SDN. BHD. (SUBSIDIARI)



MBMB hargai media sempena ulang tahun ke-19

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Melaka Hari Ini bersama empat lagi agensi media negeri Melaka menerima Anugerah Media Paling Proaktif 2021 oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dalam Majlis Apresiasi MBMB 2022 yang berlangsung di Dewan Taming Sari MBMB, 24 Mac lalu.

Anugerah itu diberikan kepada media yang paling banyak membuat liputan serta hebahan berita mengenai Bandaraya Melaka di bawah kelolaan MBMB.

Sepanjang Jan hingga Dis tahun lalu, Melaka Hari Ini telah menyiaran keseluruhan 53 liputan dan hebahan mengenai program, aduan serta tindakan MBMB dalam menyelesaikan segalia permasalahan demi menjaga kesejahteraan komuniti di Bandaraya Melaka.

Turut menerima pengiktirafan sama ialah RTM, TV3, China Press dan Sin Chew Daily.

Selain itu, anugerah apresiasi turut diberikan kepada agensi kerajaan, komuniti perumahan, badan bukan kerajaan (NGO), individu prihatin dan usahawan dinamik di dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Menurut Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu, majlis itu diadakan bertujuan bagi menghargai peranan pelbagai pihak khususnya pengamal media yang banyak menyalurkan pelbagai maklumat dan hebahan MBMB secara terus kepada warga bandaraya khususnya dan rakyat Melaka amnya.

Pada masa sama, ujarnya, penghargaan turut diberikan kepada komuniti, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Bandaraya Melaka.

"Jadi pada saya, majlis ini walaupun diadakan secara kecil-kecilan, ia adalah tanda penghargaan dan pada masa sama merancakkan lagi kerjasama dan hubungan di antara media dan MBMB," katanya dalam sidang media selepas majlis berkenaan.

Zainal berkata, sepanjang sambutan ulang tahun ke-19 MBMB pada 15 April depan, 19 program berbentuk kerohanian,

kebajikan dan sukan telah dirangka.

Katanya, antara program yang disediakan ialah Bandaraya Berselawat yang menampilkan selebriti Alif Satar, selain ceramah agama, majlis bacaan Yasin dan Konser Nur Najah MBMB.

Selain itu, seperti kebiasaan,

pihaknya akan meneruskan program Bandaraya Penyayang iaitu menyantuni asnaf dan golongan tidak berasib baik di 12 Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah pentadbiran MBMB, selain menganjurkan program e-sukan dan virtual run khusus untuk menarik minat golongan belia.



ZAINAL (duduk, tengah) bergambar bersama penerima-penerima anugerah pada Majlis Apresiasi MBMB 2022 sempena Ulang Tahun ke-19 MBMB di Dewan Taming Sari, Ayer Keroh. Foto: MR. Azli

Kiosk kontemporari RM1.5 juta ubah imej Klebang

AYER KEROH - Pusat perniagaan dan gerai makanan di Dataran 1 Malaysia, Klebang bakal berubah ke arah moden dan kontemporari dengan perancangan projek yang telah dirangka Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) tidak lama lagi.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata, projek pembangunan baharu itu telah dirancang sejak 2020 lagi, selepas mengadakan lawatan ke Klebang dan melihat sendiri kedaifan yang berlaku di beberapa kawasan khususnya membabitkan Kafe Bas yang kian dimamah usia.

Bertitik-tolak daripada itu, ujarnya, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan sebe-

rum terhasilnya konsep kiosk kontemporari dua tingkat berdasarkan kontena yang akan menggantikan konsep Kafe Bas sebelum ini.

Zainal berkata, untuk permulaan sebanyak 14 unit kiosk akan dibangunkan dengan menelan belanja sekitar RM1.5 juta hasil peruntukan sendiri oleh MBMB.

"Konsep ini bagi saya lebih kemas dan teratur dan yang penting ialah kiosk itu tidak akan terkesan dengan air laut, hujan dan sebagainya memandangkan kita akan menggunakan lapisan komposit sebagai material kiosk berkenaan."

"Jadi tender bagi pembinaan kiosk ini telahpun dibuka pada 18

Mac dan akan berakhir pada 11 April depan.

"Kita jangka jika tiada aral, kerja-kerja pembinaan akan bermula pada 26 Mei dan dijangka siap dalam tempoh 26 minggu atau enam bulan lagi sebelum dijangka mula beroperasi pada Disember tahun ini," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di Pejabat Datuk Bandar, Bangunan MBMB, di sini, 23 Mac lalu.

Beliau berkata, hasil pembinaan kiosk dengan rekabentuk lebih moden dan segar itu bakal mengubah wajah keseluruhan Dataran 1 Malaysia yang terkenal sebagai lokasi tumpuan pengunjung setiap hujung minggu.

Pada masa sama, jelasnya, pembangunan itu juga dapat memartabatkan peniaga di kawasan itu, selain berupaya memberi gambaran imej baik kepada Melaka sebagai negeri pelancongan.

"Secara tidak langsung dengan pembangunan yang kita lakukan ini, ia akan dapat menyokong aspirasi kerajaan negeri yang berhasrat membangunkan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) memandangkan Klebang termasuk sebagai antara kawasan jajaran koridor ekonomi pesisir pantai itu," katanya.

Dalam pada itu, Zainal berkata, pihaknya juga bercadang untuk menyusun semula seluruh tapak perniagaan di kawasan itu, termasuk Jebat Uptown Street dan tapak Car Boot Sale bagi mewujudkan suasana lebih kondisif kepada pengunjung.



ZAINAL menunjukkan lakaran kiosk kontemporari yang akan dibangunkan di Dataran 1 Malaysia Klebang bagi menggantikan Kafe Bas.



HEE SEM (tengah) menyampaikan cenderahati dan sumbangan kepada salah seorang seniman negeri Melaka dalam Program Ziarah Kasih Hari Seniman Negara peringkat negeri di sebuah restoran di MITC, 22 Mac lalu.

Bekalan mentah menjelang Ramadan terkawal- EXCO

Fiqah Jamal

AYER KEROH - Bekalan keperluan menjelang Ramadan sehingga sambutan Aidilfitri dijamin mencukupi dan terkawal meskipun bakal berlaku peningkatan permintaan, kata EXCO Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem.

Katanya, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka akan akan melakukan pemantauan lebih ketat bermula awal April.

"Setakat ini bekalan memang mencukupi, tapi saya bersama KPDNHEP tetap akan turun padang ke pasar rayad dan pasar awam untuk memastikan bekalan ini semua cukup dengan harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Program Ziarah Kasih Hari Seniman Negara Peringkat Negeri Melaka di sebuah restoran di sini, 22 Mac lalu.

Hee Sem turut mengingatkan semua peniaga agar tidak menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya menjelang Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri kelak.

Sekalung *Tahniah*

Kepada

**YB SENATOR DATUK
MOHD RIDHWAN BIN MOHD ALI**
Pengerusi Yayasan DMDI

Di Atas Perlantikan Sebagai
AHLI DEWAN NEGARA

Daripada

PRESIDEN
AHLI MAJLIS TERTINGGI,
AHLI LEMBAGA PENGARAH
DAN SELURUH WARGA KERJA
YAYASAN DMDI DAN
SYARIKAT BERJENAMA DMDI



YAYASAN DMDI



NO2 - TANJUNG BIDARA

Bina longkang baharu atasi banjir

Liana Sahabudin

TANJUNG BIDARA - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara mengambil inisiatif membina longkang baharu di dua lokasi melibatkan Pengkalan Balak dan Kampung Pulau.

Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, pembinaan longkang baharu sepanjang 70 meter itu bagi mengelakkan kejadian banjir kilat serta longkang tersumbat apabila hujan lebat.

"Kita meninjau dua lokasi yang kerap berlaku banjir dan masalah perparitan longkang di Pengkalan Balak dan Kampung Pulau.

"Di Pengkalan Balak sekarang ini kerja-kerja pembinaan longkang baru sedang dijalankan sepanjang 70 meter, manakala di Kampung Pulau siap sepenuhnya 18 Mac lalu," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini

Katanya, terpanggil untuk membina longkang itu setelah menerima aduan daripada penduduk kerap berlaku banjir apabila hujan.

Jelasnya, di Kampung Pulau longkang juga sudah mengalami kejadian longkang tersumbat dan paip pecah, jadi ia perlu pemberian.

"Diharap dengan adanya longkang baru dapat kurangkan masalah dihadapi penduduk berkenaan," katanya.

FOKUS DUN



SISTEM perparitan di Pengkalan Balak dan Balik Pulau yang memerlukan sistem perparitan baharu.
Foto Facebook Datuk Seri Ab Rauf

NO1 - KUALA LINGGI

Pembangunan prasarana untuk nelayan Tanjung Dahan

Faiz Hasan

KUALA LINGGI - Pelbagai kemudahan membabitkan nelayan khusus sekitar Tanjung Dahan, di sini, menjadi perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah dalam usaha memastikan golongan itu dapat menjalankan rutin harian mereka dengan lancar.

Rosli berkata, projek tambakan benteng dan pasir antara perkara di berikan keutamaan dalam menangani isu hakisan di kawasan berkenaan.

"Kerajaan negeri memperuntukkan lebih RM2 juta bagi menjalankan projek berkenaan termasuk menurap

semula jalan tar yang rosak bagi memudahkan perjalanan keluar masuk nelayan ke kawasan berkenaan.

"Projek ini akan dijalankan segera dan kini tawaran tender sudah dibuka kepada kontraktor yang layak," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Menurutnya, selepas projek berkenaan selesai, kemudahan seperti balai nelayan yang terjejas akibat hakisan akan dibangunkan semula.

"Kawasan itu juga akan dilengkapi bengkel nelayan, kita utamakan projek asas dahulu bagi memberikan keselesaan kepada golongan itu," katanya.



PANTAI Tanjung Dahan terjejas akibat hakisan dibaik pulih menggunakan peruntukan lebih RM2 juta.

NO3 - AYER LIMAU

Udang galah bantu penduduk jana pendapatan

AYER LIMAU - Inisiatif Jabatan Perikanan melepaskan 35,000 anak udang galah di Sungai Siput mampu meningkatkan sosio ekonomi terutama menjana pendapatan sampingan kepada penduduk kampung.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sungai Siput, Husin Ahmad, 64, berkata anggota komuniti kampung itu yang kebanya-

kannya bekerja dalam sektor pertanian dan penternakan menyambut baik usaha berkenaan.

"Alhamdulillah, dengan adanya usaha Jabatan Perikanan melepaskan anak udang galah ke dalam sungai, dapatlah kami memanfaatnya untuk dijadikan sumber pendapatan sampingan.

"Sekilogram udang galah dijual pada harga RM70 dan ia membantu menambah



PENDUDUK mampu menjana pendapatan hasil tangkapan udang galah dan khidmat sewa bot di Sungai Siput.

pendapatan penduduk kampung," katanya ketika ditemui di kampung itu hari ini.

Terdahulu, pelepasan anak udang galah itu disempurnakan Pengarah jabatan itu, Mohd Fauzi Salehon dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer.

Pelepas itu sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan anak udang galah dilepaskan ke dalam sungai di negeri ini sebanyak dua juta sejak lima tahun lalu.

Sementara itu, Sidang Kampung Sungai Siput, Zulfan Mohd Nasir, 57, berkata usaha berkenaan secara tidak langsung menarik lebih ramai kaki pancing dari luar untuk ke kampung itu.

"Sekarang kebanyakan kaki pancing memilih Kampung Paya Lebar dan Sungai Timun untuk memancing udang galah tetapi dengan adanya usaha sedemikian, insya-Allah mereka akan memilih Kampung Sungai Siput pula.

"Ia memberi peluang kepada anak kampung untuk menyewakan perahu kepada kaki pancing dari luar, terutamanya dari Kuala Lumpur," katanya.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharlini.myPENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharlini.myPENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.myJURUFOTO KANAN
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.myLIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlini.myJURUFOTO
IQMAL HAQIM
ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.com

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.myMIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.mySITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharli

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.comMARKETING
& ADVERTISING EXECUTIVE
SARAH AIDA ABD HADI
sarahaida@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khaliddah@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
Izraihanah363@gmail.comPUTRA DANIAL RIZAIDI
putradanial182@gmail.com

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@melakaharlini.myJURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.comPENYIURING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.myJURUVIDEO
& PENYIURING VIDEOAUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharlini.myPENYIURING VIDEO
HASBULLAH BIN AZHAR
burneskoabar@gmail.com

NO4 - LENDU

Keprihatinan Sulaiman bantu pesakit angin ahmar

Salman Hamat

LENDU - Pergerakan lelaki warga emas Pua Guan, 74, yang menderita akibat serangan angin ahmar kini menjadi lebih mudah selepas menerima bantuan kerusi roda sumbangan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Masalah kesihatan dialami Pua mendapat perhatian Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu yang menyegerakan bantuan kemudahan itu.

Pegawai Perhubungan Kebajikan dan Operasi Ketua Menteri Mohd Jamian Maharam berkata, pergerakan Pua terbatas akibat diserang angin ahmar enam bulan lalu.

"Kami harap bantuan kerusi roda disumbangkan memudahkan isteri dan anak Pua menguruskannya, khusus membabitkan aktiviti harian."

"Selain itu kami turut bantu menguruskan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bantuan lampin bulanan kerajaan negeri untuk warga emas ini," katanya.

Beliau berkata, demikian selepas menyerahkan bantuan berkenaan kepada keluarga Pua di Kampung Baru Lendu, 22 Mac lalu.



MOHD Jamian menyerahkan bantuan kerusi roda dan lampin kepada keluarga Pua.

NO6 - REMBIA

Kayuh basikal dapat lagi satu basikal

Faiz Hasan

REMBIA - Rezeki terpijak sebagai antara tiga pemenang utama memiliki sebuah basikal lipat selepas menyertai kayuhan sepanjang 30 kilometer (km) adalah sesatu yang tidak disangka bagi peserta Program Kayuhan Basikal Gegau Melaka Gegau 2.0 diadakan di JAPERUN Rembia, di sini, 20 Mac lalu.

Salah seorang pemenang, Mohammad Syahmi Mahat, 31, berkata dia tidak menyangka perkara itu berlaku selepas diumumkan menjadi antara pemenang

dalam acara cabutan bertuah berlangsung pada akhir program itu.

"Alhamdulillah, memang tak sangka, orang kata kali ini memang 'pusing modalah' sebab saya menyertai program ini sebanyak RM30 dan berkayuh sepanjang 30 kilometer akhirnya dapat bawa balik rumah dengan sebuah basikal lagi."

"Bila dapat basikal lipat ini akan menjadi koleksi keempat saya dan bersyukur sangat bila nombor penyerataan saya dicabut sebentar tadi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, seorang peserta tentera, Yusef Leo, 48 yang turut memenangi cabutan utama itu meluahkan rasa syukur dalam acara sukan yang diminatinya itu sejak tahun 2006.

Katanya, kemenangan itu juga mampu menghilangkan penatnya selepas berkayuh sendiri dari rumahnya di Bertam Impian menuju ke JAPERUN Rembia sejak awal pagi tadi bagi menghadiri program terbabit.

"Memang tak sangka bila menang basikal ini kerana pagi tadi saya kayuh sendiri dari rumah dan sekarang tak tahu macam mana nak bawa pulang basikal ini ke rumah," katanya.

Pada masa sama, seorang peserta dari Paya Rumput, Zamerol Mohd Zani, 32 turut meluahkan rasa sama apabila tidak menyangka dia merupakan antara yang bertuah daripada 500 peserta dalam program itu kali ini.

"Alhamdulillah agak terkejut dan memang hilang penat saya apabila berkayuh menggunakan basikal lipat di sekitar Alor Gajah ini bersama rakan-rakan lain."

"Dapat tahu program ini pun apabila ia disiarkan di Facebook dan saya terus menyertainya, bila menang cabutan ini maka ini terus jadi koleksi kedua basikal lipat yang saya ada," katanya.



YUSEF yang datang berbasikal dari Taman Bertam Impian ke program terbabit terpaksa menghubungi keluarga untuk membawa pulang sebuah basikal lipat yang dimenanginya.

NO5 - TABOH NANING



PESERTA mendapatkan perkhidmatan menggunting rambut percuma disediakan di JAPERUN Taboh Naning.

Rambut kemas barulah semangat ke sekolah

Salman Hamat

TABOH NANING - Sebagai persediaan pembukaan sesi persekolahan JAPERUN Taboh Naning menganjurkan program Jom Potong Rambut khusus untuk murid dan pelajar sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning, Zulkiflee Mohd Zin berkata, ibu bapa dilihat memanfaikan peluang mendapatkan perkhidmatan percuma itu dengan membawa anak masing-masing untuk menggunting rambut.

"Seramai 30 murid dan pelajar datang untuk menggunting rambut sepanjang program yang bermula dari jam 9.30 pagi hingga 1 tengah hari di JAPERUN Taboh Naning, pada 17 Mac."

"Menerusi program ini diharapkan murid dan pelajar hadir kesekolah dengan penampilan yang lebih kemas, menunjukkan mereka ini lebih bersedia untuk belajar," katanya.

Beliau menasihatkan murid dan pelajar agar sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang sesi pembelajaran di sekolah dalam usaha memutuskan rantai COVID-19.

N07 - GADEK

Program Back To School ceriakan anak asnaf



MUHAMMAD Shafik (belakang empat kanan) bersama JPKK Padang Sebang bergambar bersama murid sekolah yang menerima bantuan persekolahan dalam Program Back To School Padang Sebang, baru-baru ini.

Faiz Hasan

GADEK - Seramai 30 murid sekolah dalam kalangan golongan asnaf di Kampung Padang Sebang menerima sumbangan kelengkapan persekolahan pada Program Back To School Padang Sebang, baru-baru ini.

Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Padang Sebang, Muhammad Shafik Alias berkata, program dianjurkan setiap tahun itu bertujuan membantu meringankan beban ibu bapa kurang berkemampuan dalam melakukan persiapan persekolahan anak masing-masing.

Katanya, menerusi program itu seramai 20 murid sekolah rendah men-

erima sumbangan bantuan beg sekolah dan alat tulis bernilai RM50 setiap seorang.

"Manakala 10 lagi murid daripada keluarga benar-benar kurang berkecukupan termasuk anak yatim menerima sumbangan beg, alat tulis, pakaian seragam sekolah kebangsaan dan sekolah rendah agama bernilai RM150 setiap seorang," katanya.

Beliau berharap sumbangan disampaikan dapat menyuntik semangat rajin belajar dalam kalangan penerima selain meringankan beban ibu bapa mereka.

FOKUS
DUN



N08 - MACHAP JAYA



Hee Sem (kanan) meninjau kawasan Kampung Kemuning yang sering dinaiki air.

Tukar saiz pembetung atasi banjir kilat

MACHAP JAYA - Sistem perparitan yang tidak sistematis antara punca Kampung Kemuning dilanda masalah banjir kilat saban tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kemuning, Maswira Mat Noh berkata, banjir yang paling teruk melanda kampung itu berlaku pada akhir Disember lalu dan awal tahun ini sehingga mengakibatkan kira-kira enam kediaman dinaiki air setinggi para siling.

Katanya, perkara itu sudah diajukan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ngwe Hee Sem bagi membolehkan masalah banjir kilat itu diatasi segera.

"Alhamdulillah, Yang Berhormat Hee Sem sendiri bersama pegawai Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) ada datang berkunjung melawat kawasan kampung yang sering dinaiki air.

"Penduduk kampung berharap perkara itu dapat diatasi dengan membina jambatan baharu selain menukar saiz pembetung di Sungai Kemuning yang kecil kepada lebih besar," katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, Hee Sem berkata, beliau bersama agensi berkaitan melawat kawasan yang sering terjejas serta bertemu penduduk kampung untuk mendengar sendiri permasalahan dihadapi.

"Perkara itu akan dipanjangkan juga kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi menyelesaikan masalah dihadapi," katanya.

N09 - DURIAN TUNGGAL

Gotong-royong indahkan taman perumahan

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Bagi memastikan kesejahteraan penduduk di taman perumahan terjaga, Persatuan Penduduk Taman Vista Belimbing mengadakan Program Gotong-Royong membersihkan penempatan mereka baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Zahari Abd Kalil berkata, pihaknya turut menyertai program bermanfaat itu dan berharap ia diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap kebersihan

sentiasa pada tahap memuaskan.

"Tahniah kepada semua penduduk yang hadir, saya harap aktiviti sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan taman perumahan sentiasa ceria dan bersih.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat termasuk Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), barisan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Air Semubok dan Taman Vista Belimbing," katanya menerusi hantaran di Facebook rasminya, 22 Mac lalu.



ZAHARI (lima kiri) bergambar bersama penduduk yang terlibat gotong-royong tersebut.

Tiada bilik guru, terpaksa tumpang kantin sekolah

N13 - PAYA RUMPUT



RAIS mengadakan lawatan ke SK Paya Rumput sempena pembukaan hari pertama persekolahan sesi 2022, 21 Mac lalu. Foto Iqmal Haqim Rosman

Fiqah Jamal

PAYA RUMPUT - Seramai 82 guru Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Rumput tidak mempunyai bilik guru dan hanya menjalankan mesyuarat di ruangan kantin sekolah terbabit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Rais Yasin berkata perkara itu sudah diambil maklum dan akan dibawa ke peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Beliau yang juga EXCO Pendidikan Negeri berkata, selain isu tiada bilik guru, sekolah terbabit turut mempunyai isu dari segi infrastruktur yang tidak lengkap serta kekurangan bilik darjah.

"Saya baru tahu akan isu tiada bilik guru di sekolah ini, dan setakat ini yang saya tahu hanya di sekolah ini sahaja, sekolah lain saya tidak mempunyai data lagi dan hal ini akan diselesaikan dengan kadar segera.

"Pihak KPM sudah maklum hal ini dan sudah tentu masalah bilik darjah dan bilik guru ini bukan



sahaja daripada pihak saya malah pihak jabatan dan pihak guru-guru di sekolah yang terlibat juga semua telah pun memberi laporan.

"Cuma kita mahu melengkapkan laporan itu dan sedang berusaha untuk dapat berjumpa dengan Menteri Pendidikan Datuk Dr Mohd Radzi Jidin sendiri untuk menyatakan hasrat kami di negeri Melaka ini tentang isu sekolah di sini," katanya ketika meninjau hari pertama sesi persekolahan 2022/2023 di SK Paya Rumput, di sini, 21 Mac lalu.

Menyentuh isu kekurangan bilik darjah di sekolah terbabit, Rais berkata ia disebabkan peningkatan penduduk dalam kawasan itu selain kekurangan sekolah rendah di kawasan terbabit.

"Jadi bagi mengatasi isu kedapatan murid dalam satu kelas yang membimbangkan para ibu bapa, dua buah sekolah di Krubong telah dibina, di mana sekolah menengah telah siap dan mula beroperasi manakala sekolah rendah masih dalam proses pembinaan.

"Pembinaan sekolah rendah itu telah mencapai 30 peratus pembangunannya dan kita cuba untuk siapkan sampai hujung tahun ini ataupun tahun depan," katanya.

N10 - ASAHLAN

Jom teroka hutan dara Bukit Gapis

Liana Sahabudin

ASAHLAN - Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Melaka dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri bakal menganjurkan program Voluntourism Eco Hike@Bukit Gapis Gunung Melaka pada 31 Mac ini.

Pengarah MOTAC Melaka, Yeow Chin Chai berkata penganjuran itu selaras dengan hasrat kementerian bagi menggalakkan pelancongan domestik dan menjadi platform mempromosi serta memasarkan Melaka sebagai sebuah destinasi ekopelancongan yang unggul.

"Program ini bermula pada jam 7 pagi sehingga 2 petang, Bukit Gapis adalah puncak tertinggi di Melaka baharu disyiyih sebagai Gunung Melaka pada tahun 2020.

"Puncaknya terletak di Batu Sempadan

Melaka-Negeri Sembilan yang dibuat penajah British pada 1909. Bukit Gapis berkettinggian 480 meter (1,570 kaki) padaparaslaut, ia boleh dikategorikan sebagai dara.

"Pendaki akan dapat melihat pelbagai jenis tumbuhan yang jarang ditemui dan merasai pengalaman melalui kawasan jeram yang hanya satu-satunya ada di Melaka," katanya.

Yeow berkata, ketinggian 480 meter itu menjadikan Bukit Gapis melepas syarat untuk diiktiraf sebagai gunung iaitu 457.2 meter.

Katanya, Bukit Gapis juga menjadi salah satu tarikan kepada industri pelancongan Negeri Melaka menerusi sub sektor Eko Pelancongan.

"Bagi sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Shahreza Mahadami di talian 06-231 8200/018-378 5661 untuk keterangan lanjut," katanya.



ANTARA pokok balak gergasi yang terdapat di Bukit Gapis.

N12 - PANTAI KUNDOR



TUMINAH bersama wakil-wakil agensi kerajaan ketika melawat pengkalan nelayan Pantai Rombang hari ini.

RM200,000 kos baik pulih pengkalan nelayan

Fiqah Jamal

PANTAI KUNDOR - Tapak Pengkalan Nelayan di Pantai Rombang yang rosak ditimpa bencana ribut monsun baru-baru ini akan dibaik pulih dengan prurutukan RM200,000 daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka dalam kadar segera.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Tuminah Kadi berkata, perkara itu bagi memudahkan urusan nelayan-nelayan yang menggunakan pengkalan di situ yang terpaksa menggunakan pengkalan lain disebabkan kerosakan yang berlaku.

Katanya yang lebih mesra disapa 'Kak Ina' berkata usaha membaik pulih itu sekaligus dapat meningkatkan pendapatan nelayan.

"Saya bersama beberapa wakil agensi kerajaan termasuk wakil dari LKIM meninjau tapak Pengkalan Nelayan Pantai Rombang yang mengalami kerosakan akibat ditimpa ribut monsun baru-baru ini.

"Kita akan baik pulih segera pengkalan ini bagi

mudahkan urusan nelayan-nelayan yang menggunakan tapak ini sebagai tapak untuk menjana pendapatan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Tuminah berkata beliau sempat juga meninjau keadaan beberapa lokasi di Pantai Puteri yang musnah akibat hakisan ombak.

Ujarnya, beliau bersama-sama wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pejabat Pembangunan Negeri Melaka (PPNM) telah turun padang untuk kerja-kerja penambakan.

"Pagi tadi saya bersama-sama beberapa wakil agensi Kerajaan telah turun padang melihat kemusnahan akibat hakisan ombak yang melanda disepanjang Pantai Puteri.

"Saya telah memintawakil JPS dan Pejabat Pembangunan Negeri Melaka (JPNM) agar disegerakan penambakan kerana Pantai Puteri yang dahulunya menjadi lokasi tumpuan pelancong dan pengunjung luar dan dalam negeri terencau akibat hakisan tersebut," katanya.

N15 - PENGKALAN BATU

Aura Kak Som, 'tambat' hati rakyat



KALSON sentiasa mendekatkan diri dengan rakyat di DUN Pengkalan Batu bagi mengetahui segala permasalahan mereka.

FOKUS DUN



PENGKALAN BATU - Pengalaman dalam dunia politik yang sudah lama termasuk bidang pentadbiran serta pengurusan nyata memberi kelebihan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Nordin dalam mendekati dan menyelesaikan permasalahan dihadapi masyarakat.

Dek penangan itu, Hari Bertemu Rakyat (HBR) DUN Pengkalan Batu mendapat sambutan luar jangkaan apabila bukan sahaja penduduk kawasan itu yang hadir mengadu hal masalah mereka malah penduduk luar turut mengambil peluang itu untuk mengadu nasib.

Menurut Kalsom, sesiapa sahaja yang datang ke HBR Dun Pengkalan Batu akan dilayan dan dibantu mengambil kira status dirinya sebagai EXCO Hal Ehwal Wanita negeri.

"Memang mendapat sambutan, sampaikan orang lama yang kerja di sini (JAPERUN) maklum, dulu (hari bertemu rakyat) tidak semeriah ini kerana ada yang datang dari luar antaranya Alor Gajah dan Padang Temu.

"Mungkin mereka tahu saya ini EXCO Hal Ehwal Wanita jadi ada beberapa kes yang dibantu di sini, mana yang boleh saya bantu, akan dibantu dan dirujuk kepada pihak yang berkaitan dalam mencari penyelesaian," katanya.

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan Kak Som berkata, bagi memudahkan dan mengambil tindakan segera HBR turut disertai pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Dengan adanya pegawai JKM yang turut serta, apabila pengadu hadir memberi tahu tiada bantuan diterima kita boleh terus lakukan semakan contohnya apabila semakan dibuat mendapati nama masih dalam senara jadi mereka akan dapat jawapan serta merta.

"Selepas ini juga saya akan mengajak pegawai Jabatan Pendaftaran Negera (JPN) untuk turut serta kerana kebanyakkan aduan diterima turut membabitkan isu kerakyatan," kata dia.

Ujar beliau, hari bertemu rakyat adalah peluang terbaik untuknya menyelami permasalahan rakyat kerana kebanyakkan mereka yang hadir berdepan masalah kebajikan selain masalah rumah tangga.

"Selain seronok ada masanya saya turut menangis kerana apabila dengan mereka bercerita tentang kesempitan hidup termasuk tiada duit untuk membayar sewa rumah serta pergi ke pasar rumah tangga termasuklah dipukul dan dihalau," katanya.

N18 - AYER MOLEK

Bergabung bersihkan pokok tumbang

Siti Salehah

AYER MOLEK - Meskipun tidak membabitkan kemalangan jiwa namun tindakan pantas dihulurkan JAPERUN Ayer Molek dalam operasi membersih dan mengalihkan pokok tumbang akibat ribut.

Dalam kejadian hujan lebat dan ribut awal pagi Isnin baru-baru, beberapa kawasan di tiga kampung di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek iaitu di Kampung Solok Gaung, Pengkalan Minyak dan Kampung Balik Bukit.

Kejadian pokok tumbang itu hanya berlaku di jalan utama dan juga dihadapan rumah selain tiada penduduk yang tercedera.

Kerja pembersihan dan pengalihan pokok yang berlangsung sejak awal pagi hingga ke siang itu turut membabitkan beberapa agensi antaranya Unit Front Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, pihaknya sentiasa bersiap sedia dalam membantu dan menghulurkan bantuan demi kesejahteraan dan keharmonian penduduk setempat.



ANTARA agensi yang terlibat mengalihkan pokok tumbang akibat ribut yang melanda di DUN Ayer Molek, baru-baru ini.

N14 - KLEBANG

Ziarah kasih santuni golongan rentan



BAN Hong turut menyampaikan kit makanan kepada golongan tidak berkemampuan dalam ziarah kasih bersama kepimpinan masyarakat di Batang Tiga pada 20 Mac lalu.

Fiqah Jamal

KLEBANG - Sebagai usaha untuk merapatkan ukhwah dalam kalangan penduduk di Dewan Undangan Klebang bersama kepimpinan kawasan, ziarah kasih Klebang telah diadakan pada 20 Mac lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong berkata, ziarah kasih tersebut adalah untuk menyantuni penduduk terdiri pelbagai bangsa yang kurang bernasib baik dalam kawasan Klebang.

Katanya, dalam program terbabit turut diberikan sumbangan berupa makanan asas dan kit kendiri COVID-19 telah diberikan.

"Antara ziarah kasihnya adalah bersama

kepimpinan Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kampung (JPKK) Batang Tiga yang diketuai Mustafa Mohamed Baboo.

"Semoga kehadiran kami akan sedikit sebanyak menceriakan keluarga yang berkenaan," katanya.

Menurut Ban Hong, program ziarah kasih bersama pemimpin masyarakat diteruskan pada sebelah petang dengan menyantuni penduduk berbangsa India di sekitar DUN Klebang pula.

"Saya meneruskan ziarah kasih bersama pemimpin masyarakat India merangkap Ketua Cawangan MIC Klebang Besar, Nagappan di sekitar DUN Klebang. Semoga semua sihat, ujarnya."

N21 - DUYONG



HELMY ketika meninjau masalah aliran trafik di kawasan Lembah Duyong.

Isu banjir, kemudahan infrastruktur fokus Rim

Liana Sahabudin

RIM - Penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan awam di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim perlu diselenggarakan bagi memastikan ia bersiring dengan pembangunan yang dirancang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata bagi melestarikan inisiatif itu pihaknya telah mengadakan perbincangan bersama Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dalam masa terdekat.

"Pagi ini (22 Mac), saya menghadiri perbincangan projek pembangunan DUN Rim bersama Majlis Perbandaran Jasin.

"Beberapa masalah seperti infrastruktur dan kemudahan awam yang sering diajukan oleh rakan RIM saya juga telah dibawa dalam perbincangan hari ini.

"Saya berharap proses 'maintenance' infrastruktur yang sedia ada di tahap terbaik seiring dengan pembangunan pesat yang dirancang," katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya.

Dalam perkembangan lain, Khaidhirah jugatelah mempergerusikan Mesyuarat Pengurusan Banjir DUN Rim bersama beberapa agensi dan juga Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang terlibat.

Di dalam mesyuarat itu, pihaknya telah membincangkan beberapa punca dan masalah yang menyebabkan banjir berlaku di samping mencari jalan penyelesaian jangka pendek atau jangka panjang.

"Saya pasti banyak perkara yang kita boleh lakukan terlebih dahulu sementara menunggu projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dikendalikan oleh kerajaan negeri siap sepenuhnya," katanya.

N25 - RIM



KHAIDHIRAH ketika mengadakan perbincangan projek pembangunan DUN Rim bersama MPJ, baru-baru ini. Foto: Facebook Dira Abu Zahar

N23 - TELOK MAS



ANGGOTA APM membantu mengalih serta membersihkan pokok tumbang dalam kejadian ribut yang melanda Kampung Bukit Kecil Pernu.

Razak prihatin nasib mangsa ribut

Siti Salehah

TELOK MAS - Terkesan dengan kejadian ribut yang melanda sehingga menjelaskan beberapa kenderaan dan rumah penduduk di Kampung Bukit Kecil Pernu, baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas Datuk Abdul Razak Abdul Rahman, segera bertindak menghulurkan bantuan.

Menurut Abdul Razak, sejurus menerima aduan dia turus menghubungi pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi meminta bantuan mengalihkan serta melakukan kerja pembersihan pokok yang tumbang.

"Saya juga menghantar bantuan makanan asas dan bantuan yang sepatutnya kepada mangsa yang terbabit dan semoga dengan sedikit bantuan itu dapat memudahkan urusan mereka yang terjejas."

"InsyaAllah kita akan bantu rakyat di DUN Telok Masini sebaik mungkin selain terima kasih juga kepada pihak APM atas tindakan pantas diberikan," katanya.

Terdahulu, akibat kejadian ribut itu rumah penduduk terbabit mengalami kerosakan di bahagian bumbung selain kenderaan turut dihempap pokok dan memerlukan bantuan untuk kerja pembersihan.

Ini kerana disebabkan kos yang agak tinggi, mangsa dikatakan meminta bantuan pihak ADUN Telok Mas sekiranya dapat dibantu.

FOKUS DUN



Isu aliran trafik bakal selesai

Siti Salehah

DUYONG - Penduduk di kawasan Lembah Duyong bakal menarik nafas lega apabila isu aliran trafik di kawasan itu bakal selesai dan dinaik taraf apabila dibawakan Mesyuarat Lalu lintas Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dalam tempoh terdekat ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Haleem berkata, dia bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka Tengah sudah mengadakan pertemuan serta membincangkan isu dan cadangan perubahan trafik lalu lintas di Jalan Duyong.

"Draf awal sudah siap, ia akan dibawa ke Mesyuarat Lalulintas MBMB dan saya juga akan membuat permohonan untuk turut serta dalam mesyuarat itu nanti."

"Every detail is detail" saya hendak terbabit dalam setiap proses serta pastikan yang terbaik dihasilkan," katanya.

Beliau yang lebih mesra dengan gelaran Mat itu berkata, selain isu aliran trafik itu pihaknya juga turut mendapat pengesahan kelulusan bagi permohonan laluan pejalan kaki di antara Sekolah Rendah Seri Duyong dengan Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Permatang Duyong.

"Selain laluan pejalan kaki kedua-dua sekolah itu, kita juga turut mendapat kelulusan laluan pejalan kaki di hadapan SJKC Yu Ying.

"Sebut harga kedua-dua kerja ini akan dikeluarkan pada bulan April depan dan pelaksanaan pada bulan Mei," katanya.

N27 - MERLIMAU



DR Akmal mengisi borang permohonan bantuan untuk penduduk DUN Merlimau.

N26 - SERKAM

Imarah masjid sepanjang Ramadan

Fiqah Jamal

SERKAM - Kurang seminggu lagi seluruh umat Islam akan menyambut bulan Ramadan dan pelbagai aktiviti telah direncanakan dalam bulan mulia itu.

Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JA-PERUN) Serkam, Roslan Abdul berkata antara aktiviti bagi mengimarakkan bulan Ramadan adalah program Khatam Per-

dana DUN Serkam.

Katanya, selain itu, antara program lain adalah warga kerja JAPERUN Serkam akan bersama-sama penduduk kampung untuk menyediakan bubur lambuk, berbuka puasa serta memberi sumbangan kepada fakir miskin dan ibu tunggal bersama Telekom Malaysia.

"Sekurang-kurangnya sebanyak 14 aktiviti telah direncanakan untuk dilaksanakan sepanjang 30 hari bulan Ramadan.

"Antara yang diteruskan adalah pemberian kit makanan kepada golongan yang terjejas akibat jangkitan COVID-19.

"Dalam bulan Ramadan juga, DUN Serkam akan membuat penyerahan sumbangan kit makanan kepada penerima Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam kawasan kita se-lain gotong-royong menyediakan nasi tomato untuk diagharkan buat berbuka puasa," katanya kepada Melaka Hari Ini.



PROGRAM pengimaranan masjid di DUN Serkam akan diperkasa sepanjang Ramadan.

'Kami datang rumah hantar borang bantuan'

Liana Sahabudin

MERLIMAU - Memilih datang sendiri ke rumah penduduk untuk memberi borang permohonan bantuan, itu antara pendekatan dilaksanakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau bagi memudahkan urusan golongan mewarluhan di DUN itu.

Beliau adalah Dr Muhamad Akmal Saleh yang sentiasa mencari pelbagai inisiatif demi memastikan kesihatan penduduk di DUNnya sentiasa terjaga tidak mengira kaum dan bangsa.

"Dulu kalau buat 'house call' hanya boleh rawat dan bagi ubat jer, tapi kali ni

kita 'house call' sekali dengan sign (tandatangan) borang permohonan bantuan terus.

"Pada mana-mana warga Merlimau yang ada masalah kesihatan dan transport (kenderaan) nak bawa borang permohonan jumpa dengan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) ataupun Japerun, boleh hubungi saya ataupun Setiausaha Japerun Zac Zakariah.

"Kami akan datang terus ke rumah ataupun kita akan aturkan JPKK kawasan anda untuk datang dan ambil borang anda," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya, hari ini.

FOKUS DUN



N28 - SUNGAI RAMBAI



PERMAINAN karom di kedai kopi dekat komuniti DUN Sungai Rambai.

Karom kedai kopi dekat komuniti

SUNGAI RAMBAI - Memilih kedai kopi sebagai lokasi pertandingan karom sudah pasti mampu menarik minat komuniti kampung untuk menyertainya.

Itu pendekatan diambil Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Azis dalam usaha merancakkan aktiviti penduduk kampung di Parit Sidang Seman.

Menurutnya, pertandingan karom itu berjaya menarik hampir 30 anak muda di kampung berkenaan.

"Ini anjuran Kawasan Rukun Te-

tangga (KRT) di sini, memilih kedai kopis sebagai lokasi pertandingan sudah tentu dapat mendekatkan lagi diri dengan komuniti kampung.

"Bila kita buat di kedai kopi banyak perkara dapat dikongsikan termasuk luahan serta masalah dihadapi penduduk," katanya kepada MHI.

Turut hadir Pengurus KRT, Razali Md Iwah.

Katanya tidak hanya memfokuskan permainan karom, malah aktiviti tradisional seperti batu seremban, dat, congkak, mewarna kanak-kanak turut diadakan.



MIMBAR MAIM

"Dan hendaklah kamu ber tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu ber tolongan pada melakukandosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha beratazab seksa-Nya (bagi se siapa yang melanggar perintah-Nya)." (Surah al-Ma'idah, ayat 2).



PESERTA kursus usahawan asnaf menerima sijil penghargaan daripada MAIM.

Tingkat hasil produk usahawan asnaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Usahawan asnaf di bawah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) merupakan antara objektif utama MAIM dalam membantu mereka meningkatkan taraf ekonomi keluarga.

Pelbagai inisiatif telah dilaksana oleh Seksyen Pembangunan Insan MAIM bagi memastikan asnaf yang

berkemahiran dalam bidang perniagaan mendapat manfaat sebaiknya.

Ketua Seksyen, Arina Safurra Alim berkata antara inisiatif berkenaan dengan mengadakan bengkel meningkatkan taraf ekonomi asnaf melalui peniagaan kecil mahupun peniagaan secara dalam talian.

Beliau menjelaskan, peruntukan bagi perniagaan yang diken-

dalikan oleh asnaf turut dibantu dari segi peruntukan mahupun nasihat kewangan bagi memberi panduan lebih jelassok belok perniagaan.

Katanya, pada era masa kini asnaf perlu mahir dan kreatif dalam memastikan produk perniagaan mereka mendapat sambutan walaupun masih baru dalam bidang berkenaan.

"Dari segi kualiti produk per-

niagaan turut diberi penekanan dalam usaha menarik minat pelanggan serta membentuk kepercayaan awal terhadap produk mereka." ujarnya lagi.

Tegas beliau, khidmat nasihat dan panduan kaedah pemasaran produk turut ditekankan melalui beberapa sistem antaranya melalui media sosial dan juga kaedah konvensional.

"MAIM turut menyediakan

perkhidmatan kepada usahawan asnaf ini pusat transit pemasaran produk mereka yang dikenali sebagai Hub Pengeluaran Usahawan Asnaf MAIM yang terletak di Klebang, Melaka."

Tambahnya lagi, usahawan asnaf sendiri perlu memainkan peranan utama dalam membentuk jatidiri mereka menjadi usahawan yang berdaya saing dan berjaya di masa akan datang.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) **Facebook** | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Sumbangan Musa'adah COVID-19 3.0.



KEPRIHATINAN Bilik Gerakan Musa'adah COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka yang diketuai Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) diteruskan dengan serahan kit makanan kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasaran Dun (Japerun) seluruh negeri Melaka. Sebanyak 28 JAPERUN menerima sejumlah 50 kit makanan beserta beras untuk diagihkan kepada mereka yang terkesan khususnya masyarakat Islam dinegeri ini yang sedang kuarantin akibat jangkitan COVID-19.



SUMBANGAN kit makanan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) kepada sebahagian pegawai serta kakitangan MAIM yang sedang dikuarantin akibat jangkitan COVID-19 baru-baru ini. Turut disampaikan kit kesihatan dan perubatan kepada mereka bagi memastikan tahap kesihatan mereka dipantau dan dijaga sebaiknya.

PROGRAM Kembali Ke Sekolah
Majlis Agama Islam Melaka
19 FEB - 18 OGOS 2022

[f](#) [i](#) [y](#) [t](#) @maimmelaka

Kembali Ke Sekolah**Pembekal Daerah Melaka Tengah****MAIM INDUSTRIES SDN. BHD**

- Dewang Demang Hussin, Jalan Bukit Katil,
75450 Melaka
(019 - 686 7295 / 017 - 727 5704)

Pusat Pakaian Hari-Hari

- No. 1 & 3, Jalan Komersial, Taman Kota
Fesyen MITC, 75450 Ayer Keroh
(06 - 234 7280 / 019 - 268 0246)

- 28, 30, 32, Jalan PMS 3 Plaza Melaka
Sentral 75450 Melaka

(06 - 270 0665 / 019 - 268 0246)

[f](#) [i](#) [y](#) [t](#) @maimmelaka

Kembali Ke Sekolah

Pembekal Daerah Alor Gajah

Pasaraya Borong Sakan

- No. Lot. 3064-3065, Taman Masjid Tanah Ria,
Fasa 4, 78300 Masjid Tanah, Melaka
(No. Tel: 019- 429 1212)

Pusat Pakaian Hari-Hari

- No. 56, 57 & 58, Jalan Bandar Satelit Sebang 3,
Seksyen 1, Bandar Satelit Sebang, 78000 Alor
Gajah, Melaka
(019 - 268 0246)

- Bangunan Graha UMNO, Bandar Masjid
Tanah, 78300 Masjid Tanah, Melaka
(019 - 268 0246)

[f](#) [i](#) [y](#) [t](#) @maimmelaka

Kembali Ke Sekolah

Pembekal Daerah Jasin

MAIM INDUSTRIES SDN. BHD

- No. JC 1854, Jalan Bestari 5, Jasin 77000
Melaka
(019 - 686 7295 / 017 - 727 5704)

Pasaraya Borong Sakan

- JB 2324-2326, Bandar Baru Jasin 3,
77000 Jasin, Melaka
(019 - 449 3383)

[f](#) [i](#) [y](#) [t](#) @maimmelaka

Kembali Ke Sekolah

SEMAKAN STATUS & BAKI

Semakan
Status & Baki

Imbas Kod QR

Penebusan barang
keperluan sekolah
terhad kepada pembekal
terpilih sahaja

Asnaf/ Pembekal: Kod QR akan
dipaparkan di setiap outlet
pembekal dan
penerima/pembekal
mempunyai akses penuh
untuk melayari pautan
tersebut untuk
**menyemak status dan baki
serta mengenal pasti
premis pembekal yang
ditetapkan**

[f](#) [i](#) [y](#) [t](#) @maimmelaka

"ZAKAT - Bersih Jiwa, Suci Harta"

1-300-88-0233 [www.izakat.com](#) [Zakat Melaka](#)



TINGKAT KERJASAMA...Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil bersama delegasi Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMNM) mengadakan pertemuan hormat ke Markas 3 Divisyen Infantri Kem Terendak baru-baru ini. Menerima kunjungan berkenaan, Panglima 3 Divisyen Markas, Mejah Jeneral Datuk Tengku Muhammad Tengku Ibrahim. Perbincangan ringkas turut diadakan mempertingkat usahasama dalam bidang keagamaan khususnya pemantapan akidah dalam kalangan anggota tentera dan perkhidmatan awam tentera.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Tabung Haji Wilayah Selatan ke Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) baru-baru ini. Perjumpaan ringkas itu juga membincangkan pelbagai perkara antaranya berkaitan kerjasama berterusan dalam hal ehwal ekonomi serta hala tuju pembangunan ekonomi asnaf di negeri ini.

SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

KAEDAH 01

MELALUI KAUNTER
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

KAEDAH 02

MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN
"SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA"
04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

KAEDAH 03

MELALUI POTONGAN GAJI,
MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI
PORTAL IWAKAF MAIM
(<https://iwakaf.maim.gov.my>)

KAEDAH 04

MELALUI DuitNow QR

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

BANK ISLAM

04015010078877 (BIMB)
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid
Pulau Besar Melaka)

Jom
Berwakaf

KPSharlindah sasar 10,000 orang Melaka bebas kaviti

Fiqah Jamal

LEBIH sedekad bersama Melaka, Klinik Pergigian Sharlindah (KPSharlindah) akan mengadakan Kempen Misi Ke Arah 10,000 Bebas Kaviti sepanjang tahun ini.

Kempen tersebut merupakan imbuhan kepada penduduk negeri bersejarah itu dalam menuju bebas kaviti selain menambah kesedaran akan kepentingan penjagaan gigi kepada masyarakat.

KPSharlindah yang berpusat di Bukit Baru itu kini sudah mempunyai tujuh cabangan di sekitar Melaka akan menawarkan pelbagai pengisian bagi kempen Misi 10,000 Melaka Bebas Kaviti.

Pengarah Klinik Pergigian Sharlindah, Dr Sharlindah Md Kassim berkata antara pengisian bagi menjayakan kempen ialah promo sepanjang tahun.

Katanya, menerusi promo sepanjang tahun itu pengunjung boleh menikmati pelbagai diskaun dan potongan harga jika mendapatkan rawatan di mana-mana cabangan klinik itu.

"Dual lagi cawangan klinik baru akan dibuka di Telok Mas dan Sungai Udang dan pengunjung boleh menikmati pemeriksaan gigi secara percuma dan menerima baucar RM30.00," katanya kepada Melaka Hari Ini.

GALAK RAKYAT MELAKA JAGA KESIHATAN ORAL

Menurutnya, kempen itu bagi menarik lebih ramai rakyat Melaka agar cenderung ke arah kesihatan oral dan gigi.

"Di mana pengisian kempen disusun agar rakyat lebih terpanggil untuk keklinik gigi dan menjadi sebahagian dari 10,000 pemenang 'pin Bebas Kaviti'.

"Kita ambil konsep rakyat merasa mereka lebih dihargai atas usaha mereka menjaga kesihatan gigi sekali gus mengurangkan jurang mereka dan klinik gigi."

"Jadi untuk terus menjadi 'pemenang' Bebas Kaviti, mereka akan teruskan pemeriksaan rutin mereka dan hubungan orang ramai dan pengalaman perubatan atau kesihatan gigi lebih erat."

"Kempen ini akan berterusan sehingga kepada kemuncak sambutan Ulang Tahun KPSharlindah ke-10 September nanti," katanya.

Menurut Sharlindah, kempen itu dilihat sebagai kesinambungan kepada usaha gerak kerja Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membantu orang ramai mencegah dan merawat permasalahan oral gigi.

"Sebagai antara klinik gigi swasta yang



DR Sharlindah

berpengalaman di Melaka, KPSharlindah menyahut cabaran dan saranan KKM dalam mencapai matlamat untuk memberikan perkhidmatan gigi terbaik kepada rakyat.

"Usahaini diharap dapat memeriahkan dan menggalakkan ramai lagi sektor swasta lain untuk bekerjasama bersama agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan gigi di negeri ini khususnya," katanya.



PROJEK GIGI PALSU MAK MENAH

Antara imbuhan lain menerusi kempen Misi 10,000 Melaka Bebas Kaviti adalah dengan pencarian 10 orang yang memerlukan gigi palsu untuk diberikan secara percuma.

Menurut Sharlindah, projek itu diajarkan dengan kerjasama dua pempengaruh media sosial iaitu Nizam Rahman dan Otamblurr.

Jelasnya, pencarian tersebut akan berakhir pada 30 Mac ini yang mana ikon itu akan mencari mereka yang memerlukan gigi palsu dalam kalangan pengikut di media sosial.

"Antara syarat penyertaan untuk mendapatkan gigi palsu secara percuma, pengikut perlu kongsikan kisah mereka, untuk

siapa gigi palsu tersebut dan kisah yang menarik akan dipilih oleh Nizam dan Otam.

"Pencarian 10 yang bertuah itu tidak melibatkan limit umur, bangsa dan berapa banyak gigi palsu yang diperlukan.

"Namun, kebanyakan yang lebih memerlukan adalah dalam kalangan warga emas seperti Mak Menah iaitu satu figura yang tiada gigi yang kerap dimuat naik oleh pempengaruh media sosial Nizam dan Otam," katanya.

Klinik Pergigian Sharlindah Bukit Baru

No 49 Jalan KPAA 2, Kompleks
Perniagaan Al-Azim, 75150 Melaka.
06-288 8747



DR Sharlindah Md Kassim melakukan rawatan terhadap pelanggan ketika ditemui di Klinik Gigi Sharlindah, Bukit Baru, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

SMART A+


SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SAINS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: SAINS

BAHAGIAN A

- Apakah maksud sebatian karbon?
 - Sebatian karbon ialah sebatian yang mengandungi unsur karbon, C.
 - Sebatian karbon ialah sebatian yang mengandungi unsur oksigen, O.
 - Sebatian karbon ialah sebatian yang mengandungi unsur bromin, Br.
 - Sebatian karbon ialah sebatian yang mengandungi unsur Magnesium, Mg.
- Sebatian karbon dapat dibahagikan kepada
 - Sebatian karbon organik
 - Sebatian karbon bukan organik
 - Sebatian karbon tulen
 - Sebatian karbon bukan tulen
 - I dan II
 - I dan III
 - I dan IV
 - III dan IV
- Berikut adalah contoh proses-proses pembentukan atau penguraian sebatian karbon dalam hidupan dan bahan organik di Kawasan persekitaran, kecuali
 - Fotosintesis
 - Penguraian
 - Pembakaran
 - Transpirasi
- Karbon dioksida dibebaskan ke atmosfera melalui proses utama
 - Respirasi
 - Pembakaran
 - Penguraian
 - Fotosintesis
 - I dan II
 - I, II dan III
 - I, II, III dan IV
 - II dan IV
- Apakah hidrokarbon?
 - Sebatian karbon organik yang terdiri daripada unsur karbon dan hidrogen sahaja.
 - Sebatian karbon bukan organik yang terdiri daripada karbon dan hidrogen sahaja.
 - Sebatian karbon tulen yang terdiri daripada unsur karbon dan hidrogen sahaja.
 - Sebatian karbon bukan tulen yang terdiri daripada unsur karbon dan hidrogen sahaja.
- Namakan sebatian hidrokarbon di dalam gambarajah di bawah.



Rajah 1

- Alkana
- Alkena
- Etana
- Etena

- Antara berikut adalah kegunaan alkohol dalam kehidupan harian, kecuali
 - Bahan api
 - Perubatan
 - Kosmetik
 - Pelaburan
- Berikut adalah kesan buruk pengambilan alkohol secara berlebihan terhadap organ hati
 - Kerosakan sel hati
 - Sel hati mati dan mengeras
 - Sirosis
 - Kanser hati
 - I
 - I dan II
 - I, II dan III
 - I, II, III dan IV
- Lemak ialah sejenis sebatian karbon organik yang mengandungi unsur
 - Karbon
 - Hidrogen
 - Oksigen
 - Ferum


- I
- I dan II
- I, II dan III
- I, II, III dan IV

- Berikut adalah persamaan antara lemak tenu dengan lemak tak tenu
 - Sebatian organik yang mengandungi unsur karbon, hidrogen dan oksigen.
 - Tidak larut dalam air.
 - Sumber penting asid lemak dalam badan.
 - Lazimnya berasal daripada sumber tumbuhan.

- I
- I dan II
- I, II dan III
- I, II, III dan IV

BAHAGIAN B

- Rajah 2 menunjukkan keratan rentas sebiji buah kelapa sawit.



- Namakan bahagian yang berlabel X, Y dan Z.

X:


Y:

Z:

- Komponen minyak kelapa sawit adalah?

- Nyatakan vitamin yang terdapat dalam minyak sawit.

- Rajah 3 menunjukkan proses penghasilan sabun.



Rajah 3

- Nyatakan persamaan perkataan bagi penghasilan sabun.
- Lukiskan struktur molekul sabun.
- Mengapakah sabun dapat mlarut dalam air dan juga minyak atau gris?

JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. A 2. A 3. D 4. B 5. A 6. B 7. D 8. D 9. C 10. C


BAHAGIAN B

1. A)X: SABUT , Y: TEMPURUNG , Z: ISIRUNG

B) GLISEROL DAN ASID LEMAK

C) VITAMIN E DAN VITAMIN A

2. A) MINYAK + ALKALI → GARAM ASID LEMAK (SABUN) + GLISEROL



C) TINDAKAN PENCUCIAN SABUN

KELAB IBU BAPA DAN GURU ISLAM MELAKA

Dr Massila Naib Canselor baharu UTeM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang baharu berkuat kuasa 21 Mac lalu sehingga 20 Mac 2025.

Pelantikan beliau sebagai Naib Canselor kelima UTeM adalah bagi menggantikan Prof Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim yang telah tamat tempoh lantikan.

Ia menjadikan beliau sebagai wanita kedua yang meneraju ke pimpinan UTeM sekali gus dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Massila memulakan kerjaya di UTeM pada tahun 2004 sebagai tutor di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), UTeM.

Pernah menjawat beberapa jawatan pentadbiran antaranya sebagai Penyelaras & Pengurus, Centre of Excellence (CoE) UTeM (Mei 2014 hingga Mei 2017) dan Timbalan Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (Jun 2017 hingga September 2020).

Beliau mempunyai aspirasi dan strategi yang jelas untuk menyuntik perubahan positif dalam

“ Susulan daripada sumbangan kepada universiti dan negara maka beliau telah menerima banyak anugerah serta pengiktirafan peringkat nasional dan global antaranya Malaysian Young Women Scientist 2020 oleh MINDS Malaysia. ”

Ianskap pentadbiran, pengurusan UTeM, memperkuuhkan aspek pembangunan institusi dan akademik UTeM sebagai sebuah Universiti Teknikal yang disegani serta terus dikagumi.

Untuk rekod, Massila dilahirkan pada 14 Ogos 1981 dan berasal dari Banda Hilir, Melaka mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang dengan memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2003.

Beliau berjaya memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang Teknologi Perisian dari University of Wales Swansea, United Kingdom dan seterusnya memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pada tahun 2011 dari The University of Auckland, New Zealand.

Selain itu, beliau turut terlibat

aktif dalam bidang penyelidikan dan inovasi, penulisan jurnal, pelbagai persidangan, seminar, aktiviti konsultansi bagi beberapa agensi kerajaan, syarikat yang memberikan impak tinggi kepada negara serta dunia.

Susulan daripada sumbangan kepada universiti dan negara maka beliau telah menerima banyak anugerah serta pengiktirafan peringkat nasional dan global antaranya Malaysian Young Women Scientist 2020 oleh MINDS Malaysia.

"Pihak UTeM mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan ini seterusnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan pula kepada Profesor Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim atas khidmat bakti dan kepimpinan beliau sepanjang memegang jawatan sebagai Naib Canselor UTeM sebelum ini," kata kenyataan dikeluarkan UTeM.



MASSILA

Kembar OKU jual popia demi bergelar graduan landskap

Faiz Hasan

MERLIMAU - Kegigihan sepasang kembar orang kurang upaya (OKU) menjual popia basah untuk menampung pengajian mereka di Kolej Komuniti Masjid Tanah berbaloi, apabila berjaya menggenggam sijil pada Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Melaka 2022, 19 Mac lalu.

Abdul Rahman Mohd



ABDUL Rahman (kiri) bersama adiknya Abdul Rahim selepas berjaya memperoleh sijil pengajian dalam Sijil jurusan Landskap sempena Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Melaka 2022. Foto Iqmal Haqim Rosman

Jidin, 23 berkata dia dan adiknya Abdul Rahim, 23 menetap di Kampung Pulau Semut, Masjid Tanah merupakan OKU lembam.

Pemuda itu mengakui terpaksa menempuh pelbagai onak dan ranjau sepanjang tempoh pengajian, malah dia dan adiknya perlu bijak membahagikan masa bagi memastikan perjalanan mereka sebagai pelajar berjalan lancar.

"Ayah, Mohd. Jidin Sabudin meninggal dunia akibat barah ketika kami berada di tingkatan dua, sejak itu kami adik-beradik belajar berdikir termasuklah mencari duit belanja sendiri.

"Hasil menjual popiah basan sekitar pekan Masjid

"Sepanjang pengajian kami menggunakan masalapang dengan melakukan pelbagai kerja sampingan termasuk menjual popia basah.

Tanah kami dapat kumpulan purata RM200 sebulan, cukuplah untuk tumpang perbelanjaan di kolej," katanya.

Menurutnya, sudah lumrah pasangan kembar bersama-sama setiap masa mereka mengamalkan nilai ker

jasama dan bersatu hati dalam setiap perkara dilakukan.

Pasangan kembar itu antara pelajar pendidikan khas yang mengikuti program Sijil Asas Landskap (SAL) di Kolej Komuniti Masjid Tanah.

Program SAL yang dibuka itu merupakan pengajaran ditawarkan buat para pelajar yang mengalami masalah pembelajaran (learning disabilities) bagi memberi peluang melanjutkan pelajaran.



COMEL...Guru Pendidikan Khas, Mohd Shazreen Salim mengenakan maskot zirafah menyambut ketibaan murid tahun satu di Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Rumput yang memulakan sesi persekolahan penggal 2022/2023, 21 Mac lalu.

Dusun Nyior and Haji Sulong:

The Thai Construct of a Separatist Narrative



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE “Haji Sulong Rebellion” was constructed as the master narrative by the Thai state. The arrest of the modernist scholar and intellectual, on 16th January 1948 spelt the beginning of the end of Pattani. Together with his associates, they were charged with treason. On April of the same year, clashes between Malays, and Thai police and military forces began at Dusun Nyior in Rangae district, Narathiwat. The Thai version label the incident as the “*Dusong Yo Rebellion*.” Led by a religious leader Haji Abdul Rahman, the crowd first attacked the police station.

The clashes with the police lasted two days, involving up to 1,000 men in an open battle. It was said that at least 400 Malay Muslim peasants and 30 policemen were killed. The Dusun Nyior incident was a culmination of many simmering conflicts between Malay Muslims and Thai authorities. There was deep prejudice and fear from both sides. Following the suppression of the clashes, some 2,000 to 6,000 Malays fled to Malaya.

Soon an estimated 250,000 Patani Malays had signed a petition requesting the United Nations to preside over the separation of the four Malay Muslim provinces from Thailand and their incorporation into the newly-formed Federation of Malaya.

In a 2004 paper, published in 2008 titled “Origins of Malay Muslim ‘Separatism’ in Southern Thailand,” (in Michael J. Montesano and Patrick Jory, eds. *Thai South and Malay North: Ethnic Interactions on a Plural Peninsula*, NUS Press, reprinted in 2020), Thammasat University historian Thanet Aphornsuvan highlights the issue of “facts” in modern Thai political history. According to the “facts”, Malay Muslims are “untrustworthy because they have continually rebelled against and resisted the rule of Siam since the Ayuthaya period and throughout the Rattanakosin, or Bangkok era.” The Malays are also seen to “separate” themselves from Thailand by taking away the provinces of Pattani, Yala and Narathiwat.

Aphornsuvan explains that the national history of Thailand, the predominant historiography since the emergence of modern historical writing in Siam in the late 19th century, maintains that “the Thai Kingdom possessed the Malay states in the South.” The discourse on Thai independence was thus structured



THE Malays are also seen to “separate” themselves from Thailand by taking away the provinces of Pattani, Yala and Narathiwat.

“ The charge of “separatism” was argued as the logical outcome of the Siamese concept of the nation-state. ”

around the loss and preservation of its territory. From the Thai perspective, the 1909 Anglo-Siamese Treaty has made Siam ceding “15,000 square miles of territory of its four southern Malay states to imperial Britain.”

Hence the emergence of the conception of a territorially and culturally “Siamese nation-state with fixed borders” - what historian Thongchai Winichakul terms as the “geobody.” The charge of “separatism” was argued as the logical outcome of the Siamese concept of the nation-state. The Thai narrative “assumed prior existence of the geobody of Siam,” throwing the idea of the bordered Siamese nation-state “back into the mists of time.” For decades, Malaysia’s social and media environments have been silent on the origins. We are stupefied by labels and semantics. Our consciousness was instead amplified by events – ambush, arson, attacks.

Studies on the conflict and violence have glossed over the origins and conveniently focussed on later much publicized developments. The cost of historical ignorance and amnesia about the origins of separatism in the north/south (depending on which geopolitical perspective) is, according to Aphornsuvan, to prolong and tacitly approve poor studies of modern Thai political history.

Aphornsuvan who had served as Thammasat’s Southeast Asian Studies Program, identifies two perspectives on modern Thai

political history. The first comprises mostly foreign scholars and journalists of the 1940s generation critical of Thai government’s policies and its handling of the Malay Muslims. They tended to support the right to self-determination of the Malays. The second group comprising writers and scholars, mainly Thai academics and officials, whose views and temperament are conditioned by their loyalty to the state and sense of Thai nationalism.

The group from foreign observers during the period following the Second World War up to the 1960s more sympathetic to Malay rights to self-determination, had accused the Thai government of prejudice against its Malay Muslim population by its categorization of them as “khaek” or “guests.” This implies that the Malays are “outsiders” or “minorities”, and finally as “separatist bandits” – and this was what we hear over the Malaysian media, especially in the last few decades of the last century. The Thais call them *chon baeng yaek dindaen*.

Another cycle of violence began on 4 January 2004, the so called “January Fourth Incident,” where an army camp was raided. It was said to have humiliated the Thai government. Then on 28 April 2004 simultaneous pre-dawn raids were conducted on police and military outposts of Yala, Songkhla and Narathiwat. The Thai prime minister responded that those were the work of “drug addicts.”

The historical meaning of the “April 28 Killings,” where a total of 112 died in the clashes, was not lost on the public. Immediately after the carnage, Thammasat University peace studies scholar and political scientist, Chaiwat Satha-anan, a Muslim, came out to stress the political significance of the date: the “April 28 Revolt” was referred to by Malays as “perang” or “kebangkitan Dusun Nyior” (The Dusun Nyior War), while the official Thai discourse calls it the “kabot dusong yo” (the Dusong Yo Rebellion).

The Thai version according to Aphornsuvan, is that the Malay Muslim banded together in meetings and began a terrorist act following Dusun Nyior and the arrest of Haji Sulong in 1948. He was crafted as the sole leader and cause of the “rebellion” in the south as well as the uprising at Dusun Nyior. Mainstream Thai historical writing and narrative have done little to correct this view. Malay newspapers and political parties in Malaya were sympathetic to their kinsmen, hoping for a separation from the Thai state to join Malaya.

In 1954, Haji Sulong mysteriously disappeared after reporting to the police special branch in Songkhla (the Thai name replacing the Malay Singgora). He was believed to have been murdered on the night of 13 August 1954.

**NEXT WEEK:
Hikayat Nakhoda Muda**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. SHANKAR GUNARASA

SHANKS SURGERY

DUNIA hiburan antarabangsa telah dikejutkan dengan pemergian pelakon utama Black Panther Chadwick Boseman pada bulan September 2020. Beliau telah didiagnosis Tahap 3 Kanser usus yang telah meraugut nyawanya. Setelah kematiannya, kanser usus dan rektum telah mendapat perhatian umum dan pencarian mengenai penyakit ini di laman web Google semakin popular.

Apakah sebenarnya kanser kolorektal? Kanser ini dikenali juga dengan nama kanser kolon atau kanser usus yang menyerang bahagian lapisan usus dan rektum (bahagian usus besar yang terlibat dalam pencernaan makanan dan pembuangan bahan kumuh). Ia bermula dari polip iaitu benjolan di usus atau rektum, yang mana adakalanya polip ini berangkai. Kalau disimpan lama ia akan menjalani mutasi sel.

Mutasi sel-sel ini yang digabungkan dengan kegagalan gen untuk membuang sel yang bermutasi akan menyebabkan pembahagian sel yang tidak terkawal. Apabila kanser telah mula membesar dalam beberapa tahun, ia bukan sahaja mengambil ruang organ-organ yang lain, tetapi menembusi juga saluran darah yang menyebabkan kanser ini merebak.

Apakah status kanser kolorektal di kalangan rakyat Malaysia? Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) 2012-2016, secara keseluruhannya, kanser kolorektal merupakan kanser yang kedua paling kerap berlaku (13.5%) di Malaysia, selepas kanser payudara (19%). Dari segi jantina pula, kanser kolorektal merupakan kanser yang paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki (16.9%) dan kanser kedua paling kerap berlaku dalam kalangan wanita (10.7%). Senario ini lebih memudaratkan rawatan bila lebih 70 peratus kanser kolo-

Sempena Bulan Kesedaran Kanser Kolorektal Kanser Kolorektal semakin menular di Malaysia


rektal dikesan berada pada tahap 3 serta 4 iaitu masing-masing 72.4 peratus dalam kalangan lelaki dan 73.1 peratus dalam kalangan wanita.

Bagaimana pula di Melaka? Berdasarkan statistik kanser di Melaka pada tahun 2012, kanser kolorektal adalah kedua terbesar di kalangan lelaki dan kedua terbesar di kalangan wanita selepas kanser paru-paru dan kanser payudara, pada kadar 16.5 peratus dan 13.6 peratus daripada semua jenis kanser yang telah didiagnosa di Melaka dari tahun 2007 hingga 2011. Masalah kanser kolorektal di Malaysia juga telah membebani negara dari segi ekonomi. Hasil kajian yang dibuat pada 2012, beban kos merawat kes kanser kolorektal yang baharu telah mencapai hampir RM108 juta. Ini tidak termasuk kos tambahan bagi sesetengah kes kanser kolorektal tahap 4 yang memerlukan rawatan bersasar monoclonal antibodies / terapi biologi seperti cetuzimab dan bevacizumab yang memerlukan kostambah sebanyak RM20,000 – RM40,000. Rawatan yang awal dapat mengurangkan kos dan juga bebanan tanggungan kerajaan.

Kepercayaan kanser kolorektal yang hanya berlaku pada golongan yang berusia atau tua tidak tepat sama sekali. Dengan golongan muda yang menggemari makanan segera (fast food), makanan yang kurang serat, cara hidup yang sentiasa sibuk dan keutamaan bersenam diabaikan, kanser kolorektal semakin menular pada usia yang lebih muda. Berdasarkan statistik Kanser Registri Malaysia, dari tahun 2003-2005, hampir 14.6 peratus kanser kolorektal dihadapi oleh golongan usia kurang daripada 50 tahun dan 7 peratus pulang golongan usia kurang daripada 40 tahun.

Kajian juga menunjukkan kaum Cina di Malaysia lebih cenderung menghidapi kanser kolorektal berbanding kaum Melayu dan India. Nisbah pecahan insiden kanser kolorektal tahunan per 100,000 penduduk untuk kaum Cina adalah 28.3, manakala kaum India 14.3 dan kaum Melayu 11. Pecahan nisbah ini juga dapat dilihat bagi ketiga-

KANSER Kolorektal



tiga kaum ini di Singapura iaitu 34.1, 16.1 dan 26.1 masing-masing.

Selain usia dan etnik, antara faktor lain yang boleh menjadi punca masalah kanser kolorektal adalah pertalian darah atau genetik yang mempunyai polip kolorektal atau kanser kolorektal dan sindrom genetik yang berkaitan dengan kanser seperti 'familial adenomatous polyposis (FAP)' atau 'hereditary non-polyposis colorectal cancer'. Selain itu, penyakit radang usus seperti 'ulcerative colitis' dan 'Crohn's disease' boleh dalam jangka masa yang panjang melarat menjadi kanser kolorektal.

Di samping itu, mengenali tanda-tanda awal seperti pembuangan najis berdarah, tidak rasa kepuasan selepas pembuangan najis, sering sembelit atau cirit-birit lebih daripada dua minggu, hilang berat badan secara mendadak, sakit perut yang berpanjangan juga adalah amat penting. Sekiranya anda mempunyai tanda-tandaini, anda perlu manjalani ujian saringan. Antara ujian saringan yang dimaksudkan adalah sigmoidoskopi atau kolonoskopi. Kaedah ini dijalankan dengan menggunakan tiub flexible berhujung-kam kamera dan dimasukkan di hujung dubur untuk melihat polip atau ketulan di usus. Sekiranya polip dijumpai, polypectomy akan dilakukan dan prosesi ini sangat mustahak. Kajian telah menunjukkan polypectomy dapat mengurangkan risiko kanser kolorektal hampir sebanyak 63 – 90 peratus. Oleh itu, ujian saringan dengan kolonoskopi atau sigmoidoskopi sangat mustahak untuk mengejan gejala ini dari peringkat awal lagi.

Kaedah rawatan kanser kolorektum termasuk pembedahan (secara konvesional


atau laparoskopi), kemoterapi, radioterapi dan rawatan sasaran seperti monoclonal antibody / terapi biologi. Pembedahan adalah rawatan utama dalam kanser kolorektal. Bergantung kepada peringkat kanser yang dialami, sesetengah pesakit mungkin memerlukan kemoterapi selepas pembedahan untuk mengurangkan risiko kanser berulang lagi. Berlainan pula untuk kes kanser rektum, sesetengah pesakit mungkin memerlukan radiokemoterapi untuk mengacak tumor sebelum pembedahan dijalankan. Malah sesetengah pesakit tahap 4 kanser perlu juga dikeluarkan stoma terlebih dahulu sebelum menjalani kemoterapi.

Bagaimanakah kanser kolorektal dapat dielakkan? Satu soalan yang sering saya terimadari pada pesakit. Amalkanlah pengurusan diri yang baik dengan banyak minum air, makan makanan seimbang dan kurangkan daripada makan makanan yang boleh menyebabkan gangguan pada usus besar anda (makanan pedas atau berempah, keras dan alkohol). Aktiviti bersenam dapat mengurangkan masalah obesiti, yang juga antara faktor yang dikaitkan kepada kanser kolorektal. Hindarkan merokok dan minum arak. Sekiranya ada di antara pertalian darah terdekat menghidapi kanser, anda juga perlu menjalankan ujian saringan yang lebih awal.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kanser kolorektal atau perlu menjalani ujian saringan, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.

Colorectal Cancer

ILUSTRASI Kanser Kolorektal



Elak perairan Melaka 'dijajah' ikan pendatang

Fiqqa Jamal

SUNGAI RAMBAI - Demi kelangsungan ikan-ikan tempatan, orang ramai dinasihat untuk tidak melepaskan spesies ikan pendatang ke perairan negeri ini.

Pengarah Perikanan negeri, Mohd Fauzi Salehon berkata pihaknya telah membuat hebahan dan menampal notis-notis di mana ada ikan spesis asli dan tidak asli yang dibenarkan untuk dilepaskan di sungai-sungai.

Katanya, semua penteran ikan air tawar, nelayan dan kaki pancing di negeri ini digalakkan untuk menghapuskan ikan pendatang itu sekiranya mengesan kehadiran spesies berkenaan.

"Ini kerana, katanya, spesies ikan pendatang seperti keli afrika, peacock bass, ara-

paima dan baung ekor merah bersifat karnivor, mampu untuk beradaptasi dengan perairan sungai sedia ada serta sekiranya ikan pendatang itu dilepaskan juga spesisikan asli akan pupus.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tahap kesedaran mengenai spesies ikan pendatang sangat baik di Melaka kerana tidak banyak spesies itu dikesan di perairan negeri ini.

"Ikan pendatang atau ikan larangan ini kurang kuantitiinya di Melaka, ada sedikit tapi tidak banyak, dan kita kenal pasti menerusi kajian yang dibuat di perairan sungai-sungai di Melaka di mana spesis tempatan masih ada manakala spesis asing adalah kurang."

"Kitabernasib baik kerana warga Melaka ramai yang

celik dan tahu ikan apa yang harus dipelihara dan ikan apa yang perlu dilupuskan.

"Jadi kita sarankan, penteran atau kaki pancing untuk melupuskan ikan pendatang ini bukan di sungai-sungai tapi di kawasan terkurung (kolam takungan yang tidak mengalir ke sungai) supaya spesis asing ini tidak mengganggu ekosistem spesis tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Program Pelepasan Benih Udang Galah dan Penyerahan Bantuan Bencana Banjir Negeri Melaka di Laman Belia, di sini, yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai Siti Faizah Abdul Aziz.

Dalam pada itu, Mohd Fauzi berkata, sepanjang tahun ini, pihaknya meny-



MOHD Fauzi dan Siti Faizah menunjukkan benih udang galah yang telah dilepaskan di Sungai Kesang. Foto Iqmal Haqim Rosman

sarkan 500,000 benih ikan air tawar dan udang galah akan dilepaskan ke beberapa sungai tumpuan di Melaka dengan peruntukan hampir RM 150,000.

Katanya, program pel-

epasan benih ikan dan udang galah itu membabitkan sungai yang menjadi tumpuan nelayan serta kaki pancing seperti di Sungai Duyong, Sungai Kesang, Paya Lebar, Batu Hampar selain Sungai Chohong.

Menurutnya, program itu diyakini mampu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan memulihara ekosistem ikan air tawar daripada kepupusan.

Berkat istiqamah solat Subuh berjemaah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PENGKALAN BATU - Seramai 22 kanak-kanak yang hadir menuaihan solat Subuh berjemaah di Masjid As-Sa'adah, di sini, selama 40 hari berturut-turut, menerima hadiah basikal seperti yang dijanjikan, pada 20 Mac lalu.

Pengerusi Masjid As-Sa'adah Datuk Amzah Osman berkata, program yang bermula sejak awal Feb lalu mendapat sambutan cukup menggalakkan apabila disertai seramai keseluruhan 45 peserta dalam kalangan anak kariah masjid.

Jelasnya, untuk fasa pertama katanya, sebanyak 22 buah basikal telah diberikan kepada pemenang, manakala baki 23 lagi akan diahikan pada fasa kedua nanti.

Kata ia memandangkan ada



22 remaja dan kanak-kanak ceria menunjukkan hadiah basikal selepas berjaya menamatkan pada program Iftari Subuh 40 Hari di Masjid Nur As Sa'adah. Foto: MR Azli

antara peserta masih belum lengkapkan tempoh masa 40 hari ditetapkan berikutnya terpaksa menjalani perintah kuarantin di rumah.

"Alhamdulillah, program yang kita anjurkan ini berjaya dan mendapat hasil yang cukup baik. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan

program ini.

"Apa yang pasti, program ini tidak terhenti di sini, sebaliknya kita akan terus memperkasa peranan masjid dengan melakukan pelbagai pengisian program di masa akan datang.

"Kitajuga akan pastikan anak-anak ini akan terus istiqamah ke

masjid dan mengikuti pelbagai program yang akan kita jalankan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah di masjid berkenaan.

Mengulas lanjut, Amzah berkata, rata-rata ibu bapa memberi maklum balas cukup positif di atas pengajuran program itu terutama

dalam mengubah sikap anak-anak mereka ke masjid.

Katanya, perubahan ketara yang dapat dilihat ialah anak-anak berkenaan bukan hanya datang ke masjid pada solat Subuh bagi lengkapkan cap 40 hari, bahkan mereka turut hadir menunaikan solat berjemaah pada waktu lain, selain menyertai majlis bacaan Yasin dan program-program lain dianjurkan.

"Masa mula-mula memang mereka nampak seperti banyak bermain, tetapi bila ada pengisian kita nampak mereka ini terpandu dan berdisiplin untuk menunaikan kewajipan sebagai Muslim."

"Malah daripada maklumat yang saya terima, ada dalam kalangan anak-anak ini yang mengejutkan ibu bapa mereka pada waktu Subuh untuk ke masjid," katanya.

Ramadan: Hotel MITC sedia lebih 100 juadah, tawar baucar diskau

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Bagi memberikan kepuasan kepada pelanggan berbuka puasa, Hotel MITC menawarkan tiga pakej istimewa termasuk diskau baucar sebanyak 20 peratus pada Ramadan ini.

Eksekutif Pemasaran Hotel MITC Nabila Mahat berkata, sebanyak 30,000 baucar diedarkan dan setakat ini pihaknya juga sudah menerima tempahan awal untuk berbuka puasadi hotel berkenaan.

"Kali ini kita buat kelai-

nan tampilan tiga set menu iaitu Set A adalah RM 128+ untuk dua orang makan, Set B (RM 158+) dan Set C (RM 178+), apa yang membezakn ketiga-tiga set ini adalah kuantiti makanan yang disediakan.

"Kita juga memberikan baucar potongan 20 peratus pada pelanggan, setiap set pembelian boleh dinikmati dua orang, jika mereka bawa kanak-kanak harga dikenaikan hanya RM28, begitu juga dengan dewasa dan mereka boleh menikmati buffet yang kami sediakan.

"Ada lebih 100 jenis jua-

dah kami sediakan kali ini, cuma pelanggan dinasihatkan untuk membuat tempahan awal atau sehari sebelum datang berbuka," katanya.

Nabila berkata, jamuan berbuka diadakan di 'Ballroom Gadek' berbanding di bawah khemah sebelum ini bagi mengelakkan kesesakan ketika beratur mengambil juadah berbuka.

"Namun kita hadkan hanya 250 'pax' saja pada satu-satu masa untuk mengelakkan pelanggan daripada beratur panjang selain menjaga prosedur operasi standard (SOP).

"Makanan dihidangkan di meja pelanggan mengikut pakej, tetapi jika berasa hidangan itu tidak cukup mereka boleh menikmati hidangan buffet disediakan."

"Tapi untuk mereka yang ingin suasana 'outdoor' boleh berbuka di Asahan Cafe, kita ada sediakan juga cuma lebih kepada 'indoor' sahaja kali ini," katanya.

Bagi pelanggan yang ingin membuat tempahan berbuka puasa boleh menghubungi talian 06-2331551 dan mereka akan diberikan taruhan serta harga yang menarik.

SET & BUFFET Berbuka Puasa "Tak nak rapat-rapat"

4hb April - 1 hb Mei 2022 6.00pm - 10.00pm
Iftar secara norma baru di musim pandemik

Set Kari Kepala Ikan + Set Asam Pedas Kepala Ikan + Set Daging Salai Masak Lemak Cili Padi + 100 lebih Juadah Buffet

SET A SET B SET C
RM 128+ RM 158+ RM 178+
2 ORANG MAKAN 2 ORANG MAKAN 2 ORANG MAKAN
Penambahan pax RM28+

www.mitshotel.com 06-2331551 019-6241552 MITC HOTEL mitshotel

Sensasi anggur dari Ramuan Cina Besar

Din Ahmad

AYER LIMAU - Pernah jatuh 'terduduk' apabila tanaman pokok tin yang diusahakan musnah se-waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 tahun lalu, namun ia tidak mematahkan semangat tiga beranak untuk terus berjaya dalam bidang pertanian.

Dol Malek Md Sap, 57, berkata, hikmah daripada kegagalan itu, dia bersama isteri, Maizah Jalil, 55, dan anaknya, Dzarul Hakim, 27, kini beralih kepada penanaman anggur yang semakin membubahkan hasil.

Katanya, meskipun masih belum mampu memasarkan anggur secara komersial, namun,

mereka sudah berjaya meraih keuntungan membanggakan hasil jualan anak pokok anggur.

Berkat komitmen dan kesabarannya mereka memperkenalkan tanaman anggur kepada anggota komuniti, ujarnya, kini anggur yang diusahakan itu mendapat tempat di pasaran terutama mereka yang mencintai bidang

penanaman pokok hiasan dan buah-buahan.

"Tanaman itu kami usahakan di lima Rumah Lindungan Hujan (RLH) di Kampung Ramuan Cina Besar yang kami bina dengan dengan kos RM100,000. Setiap satu RLH berukuran 6 x 15 meter dan dengan ketinggian lima meter.

"Sejak 2010, kami mengusahakan tanaman pokok tin di RLH itu, namun semuanya musnah akibat PKP 1.0 kerana kami sekeluarga yang tinggal di Kajang tidak dapat pulang ke kampung, selain tiada siapa mampu membantu menjaga pokok tin pada waktitu itu.

"Namun, rentetan itu kini kami beralih kepada penanaman anggur dan alhamdulillah, hasil menimba ilmu melalui pembacaan buku dan bahan dalam internet, tanaman anggur ini mula menampakkan hasil," katanya katanya ketika ditemui di ladang anggunnya di kampung berkenaan 21 Jan lalu.

Sementara itu, anaknya Dzarul Hakim yang bertugas sebagai akauntan berkata, setakat ini mereka masih dalam peringkat mencuba menanam pelbagai jenis anggur seperti jupiter, ninel dan velles yang masing-masing ber-

beza warna dan rasa.

"Jupiter berwarna merah hati kehitam-hitaman manakala ninel merah pekat dan velles kuning kemerah-merahan yang ditanam di atas tanah dan fertigasi.

"Aspek memangkas atau memotong ranting pokok anggur amat penting bagi membolehkan kami mengawal ke arah mana ia menjalar," katanya.

Maizah pula berkata, hanya dalam tempoh antara 80 hingga 110 hari selepas ranting dipangkas dan mula mengeluarkan buah, anggur sudah boleh dipetik.

Katanya, setakat ini mereka masih belum memasarkan anggur secara komersial kerana yang lebih penting ialah menghasilkan anak pokok anggur yang dipasarkan pada harga antara RM50 hingga RM350 sebatang.

"Kami bercadang menyediakan kemudahan untuk pelanggan memetik sendiri anggur sebelum membelinya mengikut harga pasarapn apabila semua RLH sudah mengeluarkan hasil yang konsisten tidak lama lagi.

"Setakat ini, mereka yang hadir keladang diberikan peluang menikmati anggur secara percuma sebelum memilih anak pokok anggur yang diminati," katanya.



DZARUL Hakim (dari kiri), Maizah dan Dol Malek mempamerkan anggur jupiter yang ditanam dalam RLH di Kampung Ramuan Cina Besar, Masjid Tanah hari ini.



MELAKA HARIINI

PROMOSI RAMADAN RAYA (Februari - Mei 2022)

Iklan Serendah

RM100

PAKEJ PROMOSI MEDIA SOSIAL

Single Post (Post & Stories)

- terhad kepada 5 gambar
posting akan kekal selama 1 bulan dan stories 24 jam
tambahan RM10 jika mahu letak di Highlight



RM100

Video Post (Post & Stories)

- terhad kepada 2 video untuk 1 post
- video yang diberikan oleh pelanggan
- posting akan kekal selama 1 bulan dan stories 24 jam
tambahan RM10 jika mahu letak di Highlight



RM150

5 Post (Post & Stories)

- terhad kepada 5 gambar & 1 video yang diberikan oleh pelanggan
posting akan kekal selama 1 bulan dan stories 24 jam
tambahan RM10 jika mahu letak di Highlight



RM300

Video Review (Youtube & Facebook)

- ulasan produk gunakan video yang dihasilkan oleh Melaka TV (maksimum 3 minit)
1 artikel ulasan produk akan disiarkan di akbar dan portal Melaka Hariini dan foto disediakan oleh pelanggan



RM500



Melaka Hariini



018-329 9936



www.melakahariini.my



Melaka TV

23 kali kena kompaun, tetap degil

Siti Salehah

KESIDANG - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka bertindak memotong bekalan elektrik ke sebuah kilang melebur aluminium yang berdegil dan masih meneruskan operasi meskipun sudah diarahkan berbuat demikian pada Sept lalu.

EXCO Alam Sekitar negeri, Datuk Zaidi Attan berkata, arahan dikeluarkan selepas kilang berkenaan didapati melanggar peraturan kuasa penahanan alat kelengkapan mengikut Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikeluarkan oleh JAS pada 20 Ogos tahun lalu.

Katanya, pada 21 Sept tahun lalu JAS negeri menerima satu aduan awam melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke

JAS membabitkan kes pencemaran udara dari kilang berkenaan.

"Aduan terkini pula di terima pada 16 Feb juga berkaitan pencemaran udara dan difahamkan bilangan aduan di terima membabitkan premis sama setakat ini sebanyak empat aduan.

"Jadi hari ini kita mengambil tindakan mengarahkan penutupan premis dan memotong bekalan elektrik, lesen Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) juga ditarik kerana disyaki melanggar pelan merancang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyertai operasi pemotongan bekalan elektrik dan pemeriksaan premis yang turut dihadiri Pengarah JAS negeri Rosli Osman.

Menurut Zaidi, semakan

dilakukan juga mendapat premis yang beroperasi sejak 2016 itu sudah diperiksa kira-kira 20 kali oleh JAS negeri se lain turut dikenakan tindakan penguatkuasaan.

"Kita memang tidak boleh berkompromi lagi dan perlu pastikan kilang ini patuh setiap peraturan ditetapkan sebelum dibenarkan kembali beroperasi.

"Malah JAS sendiri sudah mengeluarkan 23 kompaun kepada pihak premis membabitkan kesalahan antaranya pencemaran udara selain sembilan notis arahan juga turut dikeluarkan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, JAS juga kini dalam proses menyediakan tigakertas siasatan dan satu Permohonan Perintah Larangan Operasi ke atas premis itu kepada ibu pejabat.



ZAIDI ketika menyertai operasi pemotongan bekalan elektrik dan pemeriksaan premis di kilang berkenaan.

Penguatkuasaan SOP bazar Ramadan, Aidilfitri sedang dibincangkan



RAZALI memeriksa acara perbarisan sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-125 Di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Penguatkuasaan dari segi keselamatan bagi prosedur operasi standard (SOP) di bazar Ramadan dan Aidilfitri akan tentukan selepas perbincangan bersama agensi berkaitan.

Pemangku Ketua Polis Melaka, Datuk Razali Abu Samah berkata, sama ada pihaknya akan menempatkan keanggotaan di semua bazar Ramadan di negeri ini, perkara itu akan diputuskan selepas perbincangan diadakan bersama Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka.

"SOP bazar Ramadan akan dibuat, namun kita bersama JKN dan MKN akan duduk bersama-sama mencari kata sepakat terhadap apa juar SOP

yang diputuskan.

"Kita akan bersidang untuk menentukan kesihatan rakyat di negeri Melaka dan SOP melibatkan bazar Ramadan akan terusterjamin daripada jangkitan COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Peringatan Polis ke-215 di Padang Kawad, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di sini, 25 Mac lalu.

Pada 13 Feb lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob mengumumkan tiada sekatan dikenakan ke atas kegiatan ekonomi termasuk bazar Ramadan tahun ini.

Bagaimanapun katanya, SOP mengenai pelaksanaan bazar itu akan diperhalusi diumumkan apabila sampai masanya nanti.

Tiada salah laku rasuah pada PRN Melaka

TELOK MAS - Tiada kertas siasatan dibuka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka membabitkan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka berlangsung pada Nov tahun lalu.

Pengaruhnya Mohd Shahril Che Saad berkata, ia berikutan pihaknya tidak menerima sebarang maklumat dan laporan daripada mana-mana individu mahupun parti politik terbabit.

"Untuk makluman tidak ada kertas siasatan dibuka untuk PRN lalu. Tidak ada sebarang maklumat untuk membolehkan kita melakukan siasatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Jalinan Kerjasama Antara SPRM Melaka Dengan CeIo-Memartabatkan Integriti Dalam Perkhidmatan 2022, di Pejabat SPRM Melaka, Alai, 22 Mac lalu.

Hadir sama Presiden Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeiO) Malaysia Ahmad Sabri Mohamed.

Sementara itu, mengulas lanjut beliau berkata, sepanjang tahun lalu SPRM Melaka menahan seramai 17 individu termasuk 12 penjawat awam dipercayai terbabit dengan kesalahan rasuah.

"Selain tangkap kita juga menerima 157 maklumat berkaitan salah laku dalam jabatan dan agensi sebahagiannya disalurkan oleh Pegawai Integriti Bertauliah (CeIo).

"Selain itu kita turut membuka 36 kertas pemeriksaan awal sebelum 20 kertas siasatan dibuka SPRM untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurutnya, kegiatan rasuah di Melaka hanya membabitkan kes domestik antaranya kes perolehan dan tuntutan palsu.



MOHD Shahril (kiri) bersama Presiden Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeiO) Malaysia Ahmad Sabri Mohamed (kanan) dalam sidang media yang diadakan baru-baru ini.

Akhiri kemelut pentadbiran Naning

Faiz Hasan

REM BIA - Pentadbiran warisan adat perpatih Naning di Melaka akan diangkat sekiranya seluruh pewaris adat itu di negeri ini berpegang teguh dan bersatu hati membentuk pentadbiran dalam perpaduan yang kukuh.

EXCO Warisan dan Kebudayaan Negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, kerajaan negeri sentiasa menyokong pemerkasaan adat istiadat di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, terdapat beberapa kemelut yang dihadapi pentadbiran Naning sebelum ini membuatkan ia sukar diketengahkan.

"Kita sokong semua permintaan adat resam warisan dan kebudayaan di Melaka ini tapi dengan syarat mereka kena bersatu, kalau mereka bertelingkah antara mereka tentang masalah siapa yang nak dilantik sebagai Yang Dipertuan Naning dan tidak ada perpaduan, bagaimana kita nak sokong?

"Kita pesan kepada mereka perlu bersatu hati dan jangan bertelingkah sesama sendiri kerana nanti jika kerajaan negeri ambil langkah menyokong perkara ini untuk diangkatkan, sesetengah lagi pihak pula tidak berpuas hati dan akan menentang kerajaan di mana ini perkara yang kita tidak mahukan.

"Kita tidak boleh pandang satu pihak saja dan abaikan yang lain kerana dalam pentadbiran Naning ini mereka bukan satu fahaman tapi ada tujuh fahaman dan pen-

dapat, jadi yang mana satu kerajaan negeri nak dengar dan sebab itulah kita tak boleh 'take one side and deny another,' katanya kepada Melaka Hari Ini.

Pada masa sama, beliau berkata usaha mengetengahkan adat itu agar tidak ketinggalan sudah lama dilaksanakan bagaimana-

pun ia terhalang berikutan terdapat pelbagai fahaman yang tidak diselesaikan dalam pentadbiran warisan itu.

"Warisan ini kita akui dan dah cuba banyak kali untuk menghidupkan warisan Naning, tapi bila kita buat banyak pula pihak lain membantah, seolah dia kata

kalau buat benda seperti ini dia harus ada saya (sesetengah pihak), tapi bukan dia (pihak lain), jadi bagaimana saya nak buat?

"Ini semua masalah sikap dan kita tidak pernah menolak semua warisan dan kebudayaan ini malah mahukan semuanya kehadapan dan ini berpunca mereka gaduh antara mereka, berpecah-belah dan tiada perpaduan di situ.

"Kita sarankan kepada semua pentadbiran Naning di Melaka ini untuk perlu duduk satu meja dan bincang bulat-bulat dengan satu musyawarah yang cukup kuat di mana ia melibatkan seluruh pentadbiran atau persatuan atau jawatankuasa sehingga galah wakil-wakil mereka perlu bergabung dan wujudkan perpaduan ini untuk kita angkat Naning ini," katanya.

Sebelum ini, Melaka Hari Ini melaporkan Lembaga Adat Naning ke-22 akan mengadakan rundingan bersama kerajaan negeri Melaka dalam tempoh terdekat bagi memohon pertimbangan untuk mengiktiraf pelantikan Datuk Naning yang dilantik melalui institusi terbabit.

Pembesar Waris Perut Ketiga Datuk Paduka Seri Maharaja, Kamaruddin Manap berkata, rundingan tersebut bagi meminta kerajaan negeri mengiktiraf Adat Naning yang ke-22 mengikut Perlembagaan Negeri Fasal 34 di bawah Undang-Undang Tubuh Negeri Melaka.

Katanya, perkara itu turut terkait di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia berdasarkan jadual kelapan, fasal ke-19.



ANTARA upacara melantik Datuk Penghulu Naning mengikut Adat Perpatih Naning yang dilakukan.

'Baywatch' kawal pantai Melaka

Norizan Muhib

AYER KEROH - Pasukan petugas penyelamat pantai (baywatch) Angkatan Pertahanan Awam (APM) Melaka kini berwajah baharu dengan pengenalan pakaian yang seragam dan lebih menarik.

Pengarah APM Melaka, Leftenan Kolonel (PA) Cuthbert John Martin Quadra berkata, sebelum ini 30 anggota baywatch ditugaskan di pantai Klebang, Pantai Puteri dan Masjid Tanah mengenakan pakaian yang tidak seragam.

Menurutnya, pengenalan pakaian baharu yang lebih seragam secara tidak langsung meningkatkan kredibiliti dan menunjukkan skil menyelamat anggota pada tahap terbaik.

"Apabila pakaian diseragamkan, anggota baywatch APM akan lebih kekitaan, ada silaturahim dan mereka lebih nampak profesional.

"Kitamahu pasukan baywatch APM Melaka terus kekal memiliki kredibiliti terbaik dan lengkap dengan ilmu menyelamat di pesisiran pantai.

"Melalui penjenamaan pakaian baharu ini juga, pasukan baywatch kita memiliki semangat yang tinggi serta dapat menguasai skil kemahiran menyelamat pantai yang luar biasa," katanya.

Beliau berkata demikian sel-



CUTHBERT bergambar bersama petugas penyelamat pantai (baywatch) APM di bawah penjenamaan pakaian baharu pasukan itu sempena majlis sambutan Ulang Tahun Pertahanan Awam (HUTPA) ke-70 di Kompleks Kementerian Dalam Negeri Ayer Keroh.

epas majlis sambutan Ulang Tahun Pertahanan Awam (HUTPA) ke-70 di Kompleks Kementerian Dalam Negeri di sini, 24 Mac lalu.

Menurutnya, APM akan meneruskan pelaksanaan modul latihan kepada setiap petugas baywatch bagi meningkatkan kualiti kemahiran menyelamat pantai yang luar biasa," katanya.

"Latihan yang berterusan dijalankan dan sentiasa diberi pene-

kanan agar setiap petugas dapat menguasai ilmu skil berenang, pernafasan dan kepantasan mengendalikan alat-alat menyelamat.

"Walaupun setakat ini, kes dan insiden kecemasan di pantai masih terkawal namun kita muh setiap petugas baywatch sentiasa siap siaga serta bijak memberi respon bila berlaku kes kecemasan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Cuthbert berkata, APM Melaka kini bersedia mempergiatkan semula kursus serta latihan luar membabitkan agensi itu selepas henti sejak pandemik COVID-19 melanda.

Katanya, kursus dan latihan operasi akan dibuat secara komprehensif dan tertumpu kepada model pengurusan bencana.

Mengulas mengenai keperluan

penambahan aset APM di negeri ini, kata Cuthbert, pihaknya akan mengerakkan sepenuhnya aset sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa.

Ujarnya, keadaan aset akan dipastikan diselenggarakan mengikut jadual yang teratur bagi memastikan keadaannya ditambah baik serta sesuai digunakan pada bila-masa.

Tentera Darat Malaysia, Kanada patahkan ancaman senjata kimia

Farah Suhaidah Othman

SUNGAI UDANG - Sekumpulan pelancang cemas selepas bas persiaran dinaiki ditawan penganas yang menggunakan bahan kimia sebagai senjata untuk menancam nyawa mereka.

Susulan itu pasukan 21 Grup Gerak Khas (GGK), 12 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD), pasukan perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pasukan sahabat daripada Angkatan Tentera Kanada (ATK) diaktifkan bagi menangani ancaman senjata kimia, biologi, radiasi, nuklear dan bahan letupan (CBRNe).

Pasukan penggempur perlu memikirkan strategi terbaik bagi mengelakkan nyawa tebusan daripada melayang berikutkan taktik penganas menggunakan senjata kimia iaitu ancaman bukan konvensional yang tidak dapat dilihat menggunakan mata kasar.

Atas kerjasama berpasukan dan perkongsian kemahiran pasukan penggempur daripada dua negara itu berjaya menyelamatkan tebusan serta menangani situasi cemas dengan baik termasuk melakukan pembersihan lokasi kejadian dicemari bahan kimia berbahaya.

Senario itu adalah sebahagian daripada demonstrasi sempena Majlis Penutup Eksesais Mantis Siri 8/2022 berlangsung di Padang Pavilion, Kem Terendak.

Latihan biletal antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dan ATK itu yang bermula 25 Jan lalu menutup tirai 24 Mac lalu.

Menerusi eksesais itu 21 pegawai dan 119 anggota lain-lain pangkat (LLP) TDM didehadkan dengan pelbagai senario ancaman penganas di tiga lokasi iaitu Pelabuhan Kuala Linggi, Melaka, Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) dan Stesen Transit Aliran Massa (MRT) Cochrane, Kuala Lumpur.

Pegawai Pemerintah 12 Skuadron RAJD (CDRNe), Leftenan Kolonel Shaiful Nizam Abdul Kholid berkata, pihaknya berdepan pelbagai cabaran berikut latihan terpaksa dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ketat.



ANGGOTA Rejimen 21 Grup Gerak Khas (GGK) menggempur bas persiaran untuk menyelematkan tebusan pada Majlis Penutup Eksesais Mantis Siri 8/2022 berlangsung di Padang Pavilion, Kem Terendak. Foto Iqmal Haqim Rosman

"Daripada segi komunikasi, tidak ada masalah, cuma diperlukan permulaan cabaran dihadapi lebih kepada 'ice breaking' (pengenalan) kerana setiap tahun peserta eksesais adalah daripada pasukan berbeza.

"Begitu juga cabaran dihadapi apabila latihan dijalankan ketika pandemik COVID-19 yang mana sedikit sebanyak menjelaskan perjalanan eksesais sekiranya seorang atau dua anggota dijangkiti.

"Jadi penjadualan semula terpaksa dilakukan mengikut kesesuaian," katanya ketika ditemui selepas majlis penutup eks-

sesias berkenaan.

Majlis penutup itu disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad Ab Rahman yang turut dihadiri Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia, Wayne Robson.

Hadir sama Komander Jurutera Medan Barat, Mejor Jeneral Ir Abdul Hamid Mohd Isa, Panglima 21GGK, Mejor Jeneral Nubli Hashim dan Panglima 10 Briged (Para), Brigadier Jeneral Khairul Azmizal Ahmad Natal.

Shaiful Nizam berkata, menerusi latihan

dijalankan, 12 Skuadron RAJD memperoleh pengetahuan mampu meningkatkan keupayaan untuk menangani ancaman CBRNe dalam konteks perangkonvensional se-lain melawan keganasan.

"ATK ada cara tersendiri untuk menangani ancaman itu, kita juga mempunyai kaedah tersendiri namun ketidakserasan itu 'minor' (sedikit) sahaja.

"Asas pelaksanaan tetap sama kerana Malaysia dan Kanada adalah negara Komawel, jadi sumber rujukan lebih kurang sama," katanya.

Tiada istilah santai nak jadi komando - Komandan PULPAK

Liana Sahabudin

SUNGAI UDANG - "Kami orang di lapangan..kami orang di medan tempur, asasnya kami mahir mengendali dan menguruskan diri kami di medan tempur melebihi kemampuan dan juga kebolehan".

Itu pegangan Komandan Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK) Kem Sungai Udang, Kolonel Zulkirin Yunus untuk disampaikan kepada penuntut-penuntut yang ingin menyertai kursus asas komando.

"Kalau dalam komando semua tahu kita dilatih dengan

begitu keras perlu mempunyai ketahanan mental dan fizikal, kita mampu untuk melalui penderitaan cukup hebat dalam fasa 'training' (latihan) agar kita dapat menyesuaikan diri dalam situasi perang yang sebenar.

"Kita dengar banyak falsafah biar mandi peluh, jangan mandi darah, berlatih mengikut apa yang kamu ditugaskan, berperang mengikut apa yang kamu latih..itu harus dijawai dalam kursus-kursus yang ada dalam pusat latihan ini.

"Kursus-kursus ini melibatkan asas, peningkatan dan kepakaran, kursus di sini tiada yang indah..derita sahaja dan mereka



ZULKIRIN
Foto Iqmal Haqim Rosman

harus tahan proses tersebut agar mereka lulus serta boleh bekerja dengan baik..yang datang ke sini tiada istilah santai dan tenang, dia perlu melalui proses itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) selepas Kunjung Hormat MHI di PULPAK Kem Sungai Udang di sini, 22 Mac lalu.

Kunjungan itu diketuai Ketua Pegawai Operasi (COO) MHI, Anuar Shaari yang berlangsung selama kira-kira satu jam.

Ujarnya, komando dilatih bukan sahaja dalam negara, malah luar negara dan perlu melalui beberapa tahap atau ujian

yang getir untuk layak menjadi komando.

"Sebagai komandan PULPAK, kepada penuntut-penuntut yang datang daripada seluruh jajaran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan juga tentera darat, saya nak mereka keluar daripada pusat ini sebagai seorang perajurit yang terlatih.

"Yang mampu untuk melaksanakan tugas dengan benar dan baik, mahir dan handal serta boleh berfungsi sebagai operator tentera darat yang kompeten... kita harus berbangga kerana akhirnya adalah kegembiraan yang diperoleh," katanya.

HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT

MOLEK RESIDENCE

Watch Interior 360° view >>
<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK JUALAN

06-337 3333

2.2282773, 102.3281568

Satu lagi projek berprestij oleh:

Pemaju: **PADUWAN REALTY SDN BHD** 81420-H **PB REALTY™**

• No. lesen Pemaju Perumahan : 12412-9/11-2023/08/6(L) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • No. Permit Iklan & Jualan : 12412-9/11-2023/08/6(P) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : Majlis Perbandaran Hang Tush Jaya • No Rujukan : MPHTJ/603/08/2019/13 • Tarikh Jangka Siap : Nov. 2023 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : RHB Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM439,000.00 min. RM710,500.00 maks. (152 unit)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

KRUBONG HEIGHTS
HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputera Sahaja

20' x 70'

Rumah Teres 2 Tingkat

4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

06. 337 3333 www.pbrealty.com.my

012. 601 0486 Vinz Lee
012. 661 1682 Tammy Ong

012. 638 4496 Yen
012. 606 8195 Sylvia Chew

012. 698 6255 Kelly Ong
012. 733 0165 Elynn Un

012. 667 0833 Sara Siow
012. 606 3165 Edwin Chan

012. 618 7922 Zura
012. 631 6670 Aqilah

017. 692 5087 Aiman

No. Lesen Pemaju Perumahan : 8187-11/07-2022/0419(L) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • No. Permit Iklan dan Jualan : 8187-11/07-2022/0419(P) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : MBMB • No Rujukan : MBMB/JKB/03025/08/2018(10) • Tarikh Jangka Siap : July 2022 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : Hong Leong Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM412,500.00 min. RM615,000.00 maks. (76 unit)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepada yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.

Watch Interior 360° view >>
<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>

Pemaju: **PB REALTY SDN BHD** 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

Baru 8 tahun sudah gegar arena muaythai

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BARU berusia 8 tahun, namun nama Wan Muhammad Iffat Hamdani Wan Mohd Fauzi kini sudah tersohor dalam arena sukan Muaythai apabila meraih pingat emas pada Kejohanan Muaythai Elit Senior & Junior Kebangsaan 2022.

Wan Muhammad Iffat Hamdani memenangi kategori junior lelaki 8-9 tahun (25-30 kg) dalam kejohanan yang berlangsung di Pengkalan Chepa Kelantan, 17-20 Mac lalu.

Menurut Presiden Persatuan Muaythai Negeri Melaka Emrito @ Haris Alias, kejayaan itu dianggap cukup membanggakan Melaka memandangkan permata baharu sukan itu telah mula dikesan seawal usia muda.

Katanya, murid Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak Bukit Katil menunjukkan keazaman cukup tinggi sejak mula menyertai pasukan Muaythai Melaka sejak dua tahun lalu.

"Boleh dikatakan adik Wan Muhammad Iffat Hamdani tidak pernah culas dalam latihan dan sentiasa berlatih setiap hari pada sebelah petang.

"Berkat keazamannya yang dibantu dengan jurulatih Emrita Alias dan Akademi Kebangsaan Muaythai Kala Merah Jasin, kesung-

guhan itu akhirnya terbalas dengan kejayaan ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas mengenai kejohanan tersebut, Emrito berkata, walaupun perancangan awal mahu membawa 25 atlet termasuk wakil Sukan Malaysia (Sukma) Melaka menyertai kejohanan itu, namun akibat serangan COVID-19, hanya lapan atlet sahaja yang dapat dibawa ke Kelantan.

Meskipun begitu, katanya, atlet Melaka tetap mempamerkan kejayaan cemerlang apabila membawa pulang dua pingat emas, satu perak dan tiga gangsa pada kejohanan itu.

"Satu lagi emas disumbangkan atlet Sukma Melaka Che Wan Mohammad Saiful Che Wan Abdullah, 20 yang memenangi kategori senior lelaki 51-54kg.

"Dia yang bakal mewakili Melaka dalam temasya Sukma September depan juga menjadi antara prospek emas Melaka memandangkan telah empat kali menjadi johan kebangsaan," katanya.

Dalam pada itu, Emrito turut menyeru lebih ramai belia dan pelajar sekolah mencebur sukan muaythai di negeri ini dalam misi mengembangkan lagi sukan yang mempunyai potensi besar itu.

Katanya, sesiapa yang berminat boleh menghubungi Persatuan Muaythai Negeri Melaka di talian 011-55034977 (Emrita) atau 017-3499402 (Dzuhairy).



WAN Muhammad Iffat Hamdani meraih pingat emas pada Kejohanan Muaythai Elit Senior & Junior Kebangsaan 2022 di Pengkalan Chepa, Kelantan, baru-baru ini.

Tak sia-sia berguru dengan Hidilyn Diaz

Norizan Muhid

DUA atlet remaja angkat berat Melaka menyumbang dua emas pada hari kedua Kejohanan Angkat Berat Youth, Junior dan Senior yang berlangsung di Dewan Alamanda Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) di sini, baru-baru ini.

Pelajar tingkatan 1 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nyalas, Nurul Syasya Khairina Samsur tampil cemerlang dalam kategori 49 kilogram (kg) berjaya

melakukan angkatan 45kg bagi acara snatch dan 58kg clean and jerk.

Dia yang mempunyai berat badan 47 kilogram mencatat angkatan keseluruhan 169kg, sekali gus menewaskan pencabar terdekat Dha Raihan dari Perak di tempat kedua.

Nurul Syasya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) berkata, dia meletakkan sasaran untuk mengutip lebih banyak pingat untuk Melaka pada temasya Sukan Malaysia

(Sukma) akan datang.

Katanya, dia telah melakukan persediaan awal dengan mengadakan latihan di bawah jurulatih yang juga pemenang pingat emas Olimpik Tokyo 2020 dari Filipina, Hidilyn Diaz di Jasin sebelum ini.

"Banyak ilmu, skill dan strategi yang diturunkan oleh jurulatih dan Hidilyn sendiri sepanjang saya berlatih bersama mereka sebelum ini.

"Kemenangan emas saya hari ini juga adalah hasil tunjuk ajar dan panduan yang diberikan selain ke-

sungguhan pasukan angkat berat Melaka sendiri," katanya.

Dia yang bercita-cita untuk menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) setelah tamat pengajian nanti meletakkan matlamat yang tinggi dalam sukan angkat berat.

Katanya, dia meminati sukan itu sejak berusia 11 tahun dan mendapat sokongan kuat daripada keluarga terutama bapanya yang merupakan bekas anggota tentera.

Anak ketiga dari tujuh beradik itu meletakkan impian untuk me-

nyaingi pencapaian atlet idolanya, Hidilyn yang berjaya meraih pingat emas pada Olimpik Tokyo lalu.

"Saya mahu sampai keperingkat itu (Olimpik), kalau Hidilyn mampu capai, saya juga boleh."

"Walau agak mustahil, tapi saya amat berasih baik kerana keluarga, rakan-rakan amat menyokong impian saya ini," katanya.

Satu lagi pingat emas berjaya dikutip pasukan angkat berat Melaka melalui Nur Batrisya Yaacob, 17, bagi kategori Youth 59kg.



NURUL Syasya berdiri di podium kemenangan memenangi pingat emas kategori 49kg pada Kejohanan Angkat Berat Youth, Junior dan Senior di Dewan Alamanda MPJ Jasin.



EXCO Belia dan Sukan Negeri V P Shanmugam menyerahterahkan wang saku kepada dua atlet Para ping pong Melaka yang akan beraksi di kejohanan Gaps Programme – Europe And Asia di Birmingham United Kingdom, 17 hingga 25 April depan.



Setinggi - tinggi
Tahniah

**YB SENATOR DATUK
MOHD RIDHWAN BIN MOHD ALI**

Di Atas Pelantikan Sebagai

AHLI DEWAN NEGARA

Setulus Ikhlas Daripada



PERTAM



KOOP-MGBM
Koperasi Majlis Gabungan Belia
Melaka Berhad

Pengurusan dan Warga Kerja
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)
Majlis Gabungan Belia Melaka
Koperasi Majlis Gabungan Belia Melaka



>> Anak didik
Hidilyn cemerlang
■ 30

Sukan

MELAKA HARI INI

>> Petarung cilik
Melaka jadi
perhatian
■ 30



SKUAD futsal wanita Melaka muncul johan Liga Premier Futsal Malaysia selepas menewaskan Selangor MBSJ di Shah Alam, 23 Mac lalu. Foto: FAM

Melaka johan futsal wanita

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PASUKAN futsal wanita Melaka dinobat johan Liga Premier Futsal Malaysia (Wanita) dalam selepas menewaskan pencahor terdekat Selangor MBSJ 3-2, dalam perlawanan terakhir liga, 23 Mac lalu.

Dalam aksi di Kompleks Sukan Negara Shah Alam itu, Melaka terlebih dahulu ketinggalan seawal minit ke-2, sebelum bangkit dengan dua gol yang dijaringkan Siti Asnidah Zamri dan gol sendiri oleh Norhawa Md Yasin pada minit ke-4 dan 17.

Selangor MBSJ berjaya mengikat semula pada minit ke-31 sebelum Nur Syafiqah Zainal Abidin muncul wira Melaka dengan menjaringkan gol kemenangan di saat-saat akhir.

Kemenangan itu menyaksikan Melaka muncul johan selepas mengutip 27 mata dengan merekodkan sembilan kemenangan dan satu kekalahan daripada 10 perlawanan.

Kekalahan tunggal Melaka ialah kepada Selangor MBSJ 1-2 pada aksi pusingan pertama lalu.

Selaku johan, skuad wanita Melaka membawa pulang hadiah wang kemenangan

gan RM30,000 berserta medal, manakala Selangor MBSJ yang terpaksa berpuas hati di tempat ke-2 membawa pulang RM20,000.

Malah lebih membanggakan, pemain

Melaka Intan Sarah Anisah turut dinobat sebagai pemain terbaik kejohanan sekali gus melengkapkan kejayaan gemilang Melaka.

Majlis penyampaian hadiah telah dis-

empurnakan Naib Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Mohd Joeheri Mohd Ayub; Timbalan Pengurusi Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai FAM Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya; EXCO FAM merangkap Pengurus Pasukan Futsal Wanita Kebangsaan, Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah dan EXCO FAM ACP (B) Md Dali Wahid.

Sementara itu, Siti Faidul Maisarah ketika mengulas kejayaan itu berkata, kemenangan skuad futsal Melaka itu adalah kejayaan yang perlu dibanggakan.

Beliau berkata, sepanjang perlawanan tuah dilihat tidak begitu memihak Melaka, namun setiap pemain tetap menunjukkan kemahiran tinggi untuk bergelar juara.

"Setiap saat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pemain Melaka, akhirnya mereka bangkit dengan menjaringkan gol kejuaraan pada saat-saat akhir perlawanan."

"Sebab itu saya kata kejayaan ini perlu dibanggakan kerana mereka menunjukkan kesungguhan untuk jadi juara."

"Semangat juang yang tinggi amat penting jika pemain mahu mengharumkan nama negara pada perlawanan di peringkat antarabangsa," katanya.



SITI Faidul Maisarah menyampaikan replika cek kemenangan kepada Pengurus Pasukan Melaka Ridzuan Ahmad.